

# Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

# AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2025

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)  
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN  
KESUKARELAWAN

---

**KETUA PTJ :**

MOHD AFANDI BIN MAT RANI

**KETUA UNIT KUALITI :**

NORAINI BT JUNOH

**PENYELARAS :**

SITI ZULAIKHA BINTI MUSTAPHA

**PENULIS :**

1. SITI ZULAIKHA BINTI MUSTAPHA
2. SITI ZULAIKHA BINTI MUSTAPHA
3. JULAINA BINTI BAISTAMAN
4. NORSHAMSIAH BINTI IBRAHIM
5. NOR FARIZAH BINTI JOHARI
6. NURSYAHIDA BINTI ZULKIFLI
7. MUHAMMAD SYAFIQ BIN HASSAN

8. MOHD HAFEEZ AL-AMIN BIN ABDUL WAHAB
9. NURUL SUHADA BINTI AZIZ
10. HASLINDA BINTI ABDUL HAMID
11. NUR AIN BINTI ABDUL MALEK
12. WAN NUUR FAZLIZA BINTI WAN ZAKARIA
13. ROHAZLYN BINTI ROSLY
14. ZANIRAH BINTI MUSTAFA
15. NORAZMILA BINTI YUSUF
16. AZWAN SHAH BIN AMINUDDIN
17. NIK MOHAMAD SHAMIM BIN NIK MOHD ZAINORDIN
18. MOHAMAD SYAUQI BIN MOHAMAD ARIFIN
19. NAJATUL AFIQAH BINTI MOHD AFFANDI
20. FATIN NUR BINTI ZULKIPLI
21. HUDA BINTI HAMIDON
22. NUR ZAHIDAH BINTI AB SAMAD
23. NURHIDAYAH BINTI ROSELY
24. MIRA QERUL BARRIAH BINTI MUHAMAD
25. MUHAMMAD AMMAR HAIDAR BIN ISHAK
26. NIK MOHD FARIS BIN NIK MIN
27. NORAINI BT JUNOH
28. NIK ZAM NIK WAN
29. AN NUR NABILA BINTI ISMAIL
30. HARIATI BINTI IBRAHIM @ MUSA
31. YUSLINA BINTI YUSOFF
32. NOR JASLINA BINTI NIK WIL
33. MIMI MAZLINA BT MOHAMAD
34. NUR AZREEN FARIHAH BINTI AHMAD
35. ANITA BINTI CHE HASSAN

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) melaksanakan **kepimpinan berlandaskan visi UiTM untuk menjadi *Globally Renowned University (GRU) 2025***, berpaksikan nilai Insan dan Ihsan yang diterjemah melalui **DNA UiTM: Usaha, Takwa, Mulia**. Nilai ini menjadi asas integriti, dedikasi dan kesejahteraan komuniti. Seiring itu, falsafah kepimpinan Rektor bertema **“Menggapai ke Langit, Mengakar ke Bumi, Berpaksi Agama, Berteras Budaya”** menekankan keseimbangan antara pencapaian global dan akar tradisi tempatan. Falsafah ini dizahirkan melalui 10 Ikhtiar Utama UiTMCK 2025, termasuk pengukuhan jaringan alumni, industri, komuniti dan pemantapan kesukarelawan serta University Social Responsibility (USR).

Bagi pelaksanaan strategik, UiTMCK menstrukturkan peranan organisasi melalui Bahagian PJIM&A di bawah Timbalan Rektor Penyelidikan & Jaringan Industri. **Unit ICAN bertindak sebagai peneraju Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK)** dengan mandat merangka, melaksana dan menilai program. Tahun 2024 menyaksikan 38 projek USR berjaya dilaksanakan dengan pelbagai penarafan bintang, di samping pencapaian 11 daripada 12 Petunjuk Indikator (PI). Pendekatan ini selaras dengan arahan dasar KPT yang menegaskan universiti mesti mendekati masyarakat (Ucapan Menteri, 2024), yang diterjemahkan melalui program SASAR, UCSE, Bakti Madani dan Inspirasi Varsiti.

Dalam amanat Naib Canselor 2024, **program komuniti ditegaskan sebagai tunjang UiTM**. Perancangan strategik bermula melalui Bengkel Strategic Action Plan 2024 anjuran UTU, dengan pemantauan berterusan terhadap PI. Sepanjang 2024, **38 projek komuniti direkodkan dalam PRIME, 66% daripadanya mencapai 3 bintang**. Antaranya kerjasama dengan sekolah, masjid, komuniti Tumpat serta kolaborasi antarabangsa bersama ITB dan Selasar Sunaryo Art Space Indonesia. Fakulti APB pula menjadi penyumbang terbesar dengan 12 program berfokus Bahasa Arab, meningkatkan pengetahuan dan taraf hidup masyarakat termasuk golongan berkeperluan khas.

Projek unggul ialah **Digital Marketing Entrepreneurs (DiME) dengan ICU JPM**, melatih usahawan kecil Kelantan dalam pemasaran digital. Pensyarah UiTMCK menjadi fasilitator dan membuat lawatan susulan untuk menilai aplikasi ilmu serta memberi bimbingan tambahan. Pendekatan ini menjadikan DiME projek berimpak tinggi. UiTMCK diiktiraf sebagai juara Anugerah Penarafan Bintang Terbanyak PTJ dan tempat ketiga Anugerah Projek Komuniti dalam MeTIC/14 2025.

Bagi memastikan keberkesanan, UiTMCK melaksanakan pemantauan **berterusan melalui mesyuarat akademik, bengkel KPI suku tahunan, taklimat terbuka, laporan aduan dan platform sosial**. Risiko turut diurus secara sistematik melalui Unit Risiko, Mesyuarat JPR, laporan akademik serta hebahan emel rasmi.

Selain itu, **UiTMCK membudayakan bidang tumpuan melalui aktiviti pelajar, SULAM, kolaborasi NGO, industri serta MoU** dengan rakan strategik. Semua ini mengukuhkan integrasi akademik, komuniti dan industri. UiTMCK berjaya menterjemahkan visi GRU 2025 dengan pendekatan seimbang: cemerlang akademik, berakar budaya, berpaksikan nilai dan berpandangan global. Kejayaan ini membuktikan UiTMCK sebagai **institusi ilmu** yang bukan sahaja mengutamakan reputasi antarabangsa, tetapi juga memberi impak langsung kepada masyarakat, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dan SDGs.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) melaksanakan pendekatan kepimpinan yang berpaksikan kepada visi UiTM untuk menjadi *Globally Renowned University (GRU) 2025*. Pendekatan ini berteraskan nilai **Insan dan Ihsan** yang ditekankan dalam **Amanat Naib Canselor 2025**, dengan penekanan terhadap budaya kerja warga universiti yang digerakkan melalui DNA UiTM: **Usaha, Takwa, Mulia** (Bukti 1.2.1). Nilai ini menjadi asas pembentukan kepimpinan dan pengurusan UiTMCK, di mana segala usaha harus dilaksanakan dengan integriti, penuh dedikasi, dan berpaksikan kepada kesejahteraan komuniti. Seiring dengan itu, UiTMCK turut mengangkat falsafah kepimpinan yang digariskan oleh Rektor melalui tema “**Menggapai ke Langit, Mengakar ke Bumi, Berpaksi Agama, Berteras Budaya**”. Tema ini menggambarkan keseimbangan antara pencapaian global dan akar tradisi setempat yang berteraskan agama dan budaya, menjadikan UiTMCK bukan sahaja sebagai pusat pendidikan tinggi, tetapi juga sebagai agen perubahan yang berakar dalam komuniti. Falsafah ini diterjemahkan melalui **10 Ikhtiar Utama UiTMCK 2025**, termasuk pengukuhan jaringan alumni, industri, komuniti, serta pematapan agenda kesukarelawan dan *University Social Responsibility (USR)* yang memberi impak langsung kepada Masyarakat (Bukti 1.2.2).

Bagi memastikan pelaksanaan strategik bidang Jaringan Alumni, Komuniti, dan Kesukarelawan (JAKK) berjalan secara sistematik, UiTMCK menstrukturkan peranan organisasi di bawah **Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A)**. Bahagian ini dipimpin oleh Timbalan Rektor (Penyelidikan & Jaringan Industri) yang bertanggungjawab merancang, menyelaras, dan memantau agenda jaringan. Di bawah PJIM&A, **Unit Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN)** menjadi peneraju utama dalam menterjemahkan dasar kepada tindakan. ICAN diketuai oleh seorang Koordinator bersama pasukan penyelaras, dengan mandat untuk merangka, melaksana, dan menilai keberkesanan program JAKK. Struktur ini memastikan setiap inisiatif universiti tidak hanya diselaraskan secara dalaman, tetapi juga mempunyai rangka kerja pemantauan yang jelas dan telus, sekali gus memudahkan pelaporan pencapaian serta bukti seperti carta organisasi (Bukti 1.2.3). UiTMCK telah membuktikan komitmennya melalui pencapaian yang konsisten. Dalam tempoh 2024, ICAN berjaya melaksanakan **38 projek USR** dengan pelbagai penarafan bintang, di samping mencapai **11 daripada 12 Petunjuk Indikator (PI)** yang ditetapkan, sekali gus melebihi sasaran awa (Bukti 1.2.4). Pencapaian ini membuktikan bahawa pendekatan UiTMCK dalam bidang JAKK dilaksanakan secara sistematik, terarah, dan berimpak.

Pendekatan ini turut selari dengan penegasan **Menteri Pendidikan Tinggi pada tahun 2024**, yang menyatakan bahawa “*universiti mesti turun dan mendekati masyarakat, melihat masalah orang awam dan membantu menyelesaikannya*” (Ucapan Menteri Pendidikan Tinggi, Program Semarak Komuniti Kota Tinggi 2024). Arahan dasar ini telah diterjemahkan dalam pelbagai inisiatif, termasuk pelaksanaan **Program SASAR (Siswa Aspirasi Rakyat) 2024** yang memberi fokus kepada pembabitian mahasiswa dalam aktiviti komuniti, *University-Community Social Enterprise (UCSE)*, serta program kesukarelawan seperti Bakti Madani dan Inspirasi Varsiti (Bukti 1.2.5). Oleh itu, pendekatan UiTMCK dalam melaksanakan JAKK bukan sahaja menyokong aspirasi universiti induk, tetapi juga membuktikan keselarasan dengan dasar nasional KPT serta prinsip Malaysia Madani dan SDGs. Pendekatan ini menjadikan UiTMCK sebagai universiti yang seimbang antara kecemerlangan akademik dan keterhubungan sosial, berpaksikan nilai, berteraskan budaya, dan berpandangan global.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_K01\\_KB02\\_20251\\_UiTMCK Bukti 1.2.1 AKNC 2025.pdf](#)
2. [K0058\\_K01\\_KB02\\_20252\\_UiTMCK Bukti 1.2.2 AKNC 2025.pdf](#)
3. [K0058\\_K01\\_KB02\\_20253\\_UiTMCK Bukti 1.2.3 AKNC 2025.pdf](#)
4. [K0058\\_K01\\_KB02\\_20254\\_UiTMCK Bukti 1.2.4 AKNC 2025.pdf](#)
5. [K0058\\_K01\\_KB02\\_20255\\_UiTMCK Bukti 1.2.5 AKNC 2025.pdf](#)



### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dalam amanat Naib Canselor 2024, beliau menegaskan bahawa **program komuniti ialah tunjang utama UiTM** sebagai universiti kerakyatan yang dekat dengan masyarakat (Bukti 1.3.1). Warga kampus – pelajar dan staf – digalakkan terlibat aktif, manakala setiap projek perlu diukur keberkesannya terhadap kesejahteraan masyarakat. Perluasan bidang tumpuan 2024 bermula Disember 2023 menerusi **Bengkel Strategic Action Plan UiTMCK 2024** anjuran UTU dengan penglibatan semua PTJ. UTU menyelaraskan usaha ke arah pencapaian objektif strategik melalui pelbagai medium komunikasi serta memperkukuh hubungan dua hala agar maklumat pencapaian PI difahami dan dilaksanakan berkesan (Bukti 1.3.2).

Perancangan strategik diterjemah di peringkat PTJ melalui **mesyuarat dan bengkel dalaman**. KPP mengadakan mesyuarat strategik untuk mengagihkan PI yang dipersetujui di peringkat pengurusan (Bukti 1.3.3). Sepanjang 2024, 38 projek komuniti dan sukarelawan direkodkan melalui sistem PRIME. Kesemuanya menerima penarafan bintang, dengan 66% (25 projek) mendapat 3 bintang. Projek melibatkan bidang komuniti, pendidikan, kerjasama dengan sekolah, masjid dan komuniti di Tumpat. Malah, kerjasama antarabangsa dengan Institut Teknologi Bandung (ITB) dan Selasar Sunaryo Art Space Indonesia membuktikan UiTMCK membina jaringan global (Bukti 1.3.4). Hal ini selaras dengan amanat Rektor 2024 yang menekankan kepentingan sukarelawan antarabangsa dengan pelajar sebagai agen perubahan (Bukti 1.3.1).

**APB menjadi penyumbang terbesar** dengan 12 program berfokus Bahasa Arab. Ia bukan sahaja meningkatkan pengetahuan, malah memberi kesan terhadap pengetahuan dan kualiti hidup masyarakat termasuk golongan berkeperluan khas. Antaranya Program Kecemerlangan Bahasa Arab STPM 2024 serta Kursus Bahasa Arab untuk Haji dan Umrah. Sebahagian besar menerima penarafan 3 bintang, sejajar amanat Naib Canselor bahawa projek komuniti tidak wajar dianggap CSR semata-mata, sebaliknya mesti memberi kesan berpanjangan.

**Antara projek unggul UiTMCK ialah Program DiME** bersama ICU JPM. Ia memberi latihan pemasaran digital kepada usahawan kecil di enam jajahan Kelantan. Pensyarah UiTMCK menjadi fasilitator membimbing peserta dengan modul fotografi, videografi, penggunaan TikTok, Facebook serta strategi penjenamaan. Unikinya, fasilitator membuat lawatan susulan ke premis peserta bagi menilai aplikasi ilmu, memberi bimbingan tambahan serta mengumpul data prestasi untuk dilaporkan kepada ICU. Pendekatan ini memastikan projek DiME benar-benar berimpak dan membantu komuniti secara mampan (Bukti 1.3.4).

Komitmen UiTMCK akhirnya diiktiraf apabila muncul **juara kategori Anugerah Penarafan Bintang Terbanyak PTJ** dan tempat ketiga Anugerah Projek Komuniti menerusi Projek DiME dalam Mesyuarat dan Majlis Apresiasi MeTIC/14 2025 anjuran ICAN Shah Alam. Kejayaan ini menjadi bukti dedikasi warga UiTMCK dalam memperkukuh jaringan berimpak tinggi bersama komuniti, industri dan alumni. Keseluruhannya, program sepanjang 2024 mengesahkan komitmen UiTMCK memasyarakatkan universiti sebagai institusi ilmu mesra industri, komuniti dan alumni, seiring amanah Naib Canselor dalam MeTIC ke-13 (Bukti 1.3.5).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_K01\\_KB03\\_20251\\_UiTMCK Bukti 1.3.1 AKNC 2025.pdf](#)
2. [K0058\\_K01\\_KB03\\_20252\\_UiTMCK Bukti1.3.2 AKNC 2025.pdf](#)
3. [K0058\\_K01\\_KB03\\_20253\\_UiTMCK Bukti 1.3.3 AKNC 2025.pdf](#)
4. [K0058\\_K01\\_KB03\\_20254\\_UiTMCK Bukti 1.3.4 AKNC 2025.pdf](#)
5. [K0058\\_K01\\_KB03\\_20255\\_UiTMCK Bukti1.3.5 AKNC 2025.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memastikan visi dan misi universiti tercapai, kepimpinan kanan UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) sentiasa **melaksanakan pemantauan berterusan** terhadap aktiviti dan program yang dirancang. Antara mekanisme yang digunakan termasuk mesyuarat, bengkel, taklimat, platform aduan serta aktiviti turun padang dengan penglibatan langsung kepimpinan kanan UiTMCK.

Pemantauan khusus bagi aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan dilaksanakan melalui **mesyuarat akademik** yang diadakan setiap semester. Dalam mesyuarat ini, Timbalan Rektor Bahagian Hal Ehwal Akademik, Bahagian Hal Ehwal Pelajar serta Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni membentangkan pencapaian semasa. Kepimpinan kanan turut berkongsi isu, cabaran serta mengingatkan warga UiTMCK mengenai program jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan yang telah dan bakal berlangsung. Taklimat terbuka ini bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme pemantauan, malah menyemai semangat keterlibatan warga UiTMCK (Bukti 1.4.1.1).

Selain itu, **bengkel pembentangan pencapaian KPI** strategik UiTMCK yang diadakan setiap suku tahun 2024 berperanan sebagai platform penilaian dan penambahbaikan pelaksanaan program. Koordinator ICAN pula menyalurkan maklumat berkaitan terus kepada Ketua Pusat Pengajian (KPP), termasuk pengisian aktiviti ICAN ke dalam sistem PRIME yang menjadi salah satu kaedah pemantauan berkesan (Bukti 1.4.1.2 & 1.4.1.3).

Pemantauan turut dijalankan melalui **laporan aduan** yang disediakan UiTMCK untuk mendekati masyarakat, alumni, pelajar, pensyarah dan kumpulan sasaran lain. Aduan boleh dikemukakan melalui laman sesawang rasmi atau media sosial. Sebagai contoh, maklumat berkaitan aktiviti kesukarelawan semasa bencana banjir pada 2024 banyak disalurkan melalui WhatsApp dan platform sosial lain (Bukti 1.4.1.4).

Di samping itu, **bengkel dan mesyuarat strategik** membolehkan pengurusan kanan mengenal pasti program yang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Laporan pencapaian 2024 yang dibentangkan oleh pemilik KPI membantu kepimpinan kanan menilai kelemahan serta cabaran yang dihadapi, seterusnya merangka langkah penambahbaikan untuk memperkukuh pelaksanaan aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan pada tahun berikutnya (Bukti 1.4.1.5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20251\\_UiTMCK Bukti 1.4.1.1 AKNC 2025.pdf](#)
2. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20252\\_UiTMCK Bukti 1.4.1.2 AKNC 2025.pdf](#)
3. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20253\\_UiTMCK Bukti 1.4.1.3 AKNC 2025.pdf](#)
4. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20254\\_UiTMCK Bukti 1.4.1.4 AKNC 2025.pdf](#)
5. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20255\\_UiTMCK Bukti 1.4.1.5 AKNC 2025.pdf](#)

## 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko boleh ditakrifkan sebagai ketidakpastian terhadap isu, kejadian atau peristiwa yang berpotensi memberi kesan kepada pencapaian objektif sesebuah organisasi. Ia **merangkumi pelbagai aspek termasuk halangan, kelemahan pengurusan, kerosakan, kecederaan, kerugian serta kejadian negatif**. Justeru, pengurusan risiko yang berkesan amat penting kerana ia menyokong budaya kerja proaktif, membolehkan tindakan pencegahan diambil lebih awal serta membantu pihak pengurusan membuat keputusan yang tepat berdasarkan kawalan risiko dan peluang yang dikenal pasti.

Di UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK), **pihak pengurusan kanan sentiasa menilai risiko** melalui pelbagai saluran seperti mesyuarat, bengkel, taklimat, platform aduan dan aktiviti turun padang. Perjumpaan langsung antara pengurusan dan warga kampus membuka ruang perbincangan yang lebih mendalam dalam usaha mencapai visi dan misi universiti, khususnya berkaitan jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan. Unit Risiko yang diketuai oleh Dr. Nik Mohamad Shamim Nik Mohd Zainordin berperanan sebagai koordinator dalam melaksanakan Polisi Pengurusan Risiko UiTM di Kampus Machang dan Kota Bharu (Bukti 1.4.2.1). Aspek ini turut diberi perhatian melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko (JPR) UiTMCK yang diadakan secara berkala (Bukti 1.4.2.2).

Selain itu, **pemakluman dan analisis risiko** turut dibincangkan dalam mesyuarat akademik, bukan hanya terhad kepada Unit Risiko. Sebagai contoh, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar melaporkan isu berkaitan pelajar, staf dan komuniti setempat serta risiko yang dihadapi dalam melaksanakan program, terutamanya di Kampus Machang. MASMED juga melaporkan risiko program keusahawanan melibatkan pelajar dan komuniti, termasuk isu peningkatan kos yang turut dibawa ke mesyuarat akademik untuk makluman bersama (Bukti 1.4.2.3).

Di samping itu, **hebahan mengenai pelaporan risiko disampaikan secara meluas melalui emel rasmi** (Bukti 1.4.2.5). Setiap fakulti juga mempunyai jawatankuasa pengurusan risiko masing-masing bagi memastikan isu berbangkit dapat ditangani secara lebih sistematik dan berkesan (Bukti 1.4.2.4).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20251\\_UiTMCK Bukti 1.4.2.1 AKNC 2025.pdf](#)
2. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20252\\_UiTMCK BUKTI 1.4.2.2 AKNC 2025.pdf](#)
3. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20253\\_UiTMCK BUKTI 1.4.2.3 AKNC 2025.pdf](#)
4. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20254\\_UiTMCK BUKTI 1.4.2.4 AKNC 2025.pdf](#)
5. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20255\\_UiTMCK Bukti 1.4.2.5 AKNC 2025.pdf](#)

### 1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Sepanjang tahun 2024, UiTM khususnya UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) telah mempunyai hala tuju dan KPI yang digariskan di peringkat tertinggi melalui Amanat Naib Canselor 2024 dan Amanat Rektor 2024. Justeru, setiap program dan aktiviti dipantau secara berkala oleh kepimpinan serta pengurusan kanan UiTMCK bagi memastikan pelaksanaannya seiring dengan objektif universiti. Pemantauan ini tidak hanya bersifat kawalan, malah menjadi dorongan kepada warga kampus untuk mengekalkan momentum pencapaian. Antara medium utama yang digunakan ialah **Mesyuarat Akademik UiTMCK, Bengkel Pelaporan Perancangan Strategik**, serta sesi libat urus bersama warga kampus.

Sebagai contoh, **Bengkel Perancangan Strategik UiTMCK** telah dianjurkan untuk membentangkan pencapaian sukuan ketiga tahun 2024 (Bukti 1.4.3.1). Program ini menjadi **platform untuk mengemaskini pelan tindakan strategik** serta menyediakan asas perancangan sukuan keempat. Di bawah pimpinan pengurusan kanan, bengkel ini memberi **fokus kepada pengukuhan daya saing** UiTMCK melalui pengukuran prestasi, pengenalpastian isu dan cabaran serta perancangan strategi baharu (Bukti 1.4.3.2). Sesi pembentangan terperinci memberi peluang kepada peserta memahami kekuatan serta ruang penambahbaikan dengan lebih mendalam. Hasil perbincangan bengkel dijadikan panduan untuk strategi masa hadapan, seterusnya memperkukuhkan kedudukan **UiTMCK sebagai institusi berdaya saing**. Kehadiran Pengurusan Eksekutif, ketua unit, fakulti dan pusat pengajian membuktikan komitmen pengurusan kanan dalam mewujudkan suasana perbincangan inklusif dan berkesan.

Komitmen kepimpinan juga jelas melalui peranan ICAN UiTMCK yang sentiasa melakukan penambahbaikan dengan **menjalin kerjasama bersama Timbalan Naib Canselor ICAN UiTM** bagi memastikan hala tuju UiTMCK seiring dengan hala tuju universiti secara keseluruhan (Bukti 1.4.3.3). Selain itu, pendekatan kepimpinan kolaboratif turut dipraktikkan, antaranya melalui aktiviti **kunjung hormat** bagi membincangkan program komuniti bersama industri untuk memperkukuh kerjasama dalam melaksanakan program khidmat masyarakat (Bukti 1.4.3.4 & 1.4.3.5). Kepimpinan dan pengurusan kanan UiTMCK berperanan penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan program, meningkatkan budaya progresif warga kampus serta mengukuhkan aspirasi universiti untuk terus unggul di peringkat nasional dan antarabangsa.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20251\\_UiTMCK Bukti 1.4.3.1 AKNC 2025.pdf](#)
2. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20252\\_UiTMCK Bukti 1.4.3.2 AKNC 2025.pdf](#)
3. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20253\\_UiTMCK Bukti 1.4.3.3 AKNC 2025.pdf](#)
4. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20254\\_UiTMCK Bukti 1.4.3.4 AKNC 2025.pdf](#)
5. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20255\\_UiTMCK Bukti 1.4.3.5 AKNC 2025.pdf](#)

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan kanan UiTMCK membudayakan objektif dan pelan strategik bidang tumpuan dengan memperkukuh komunikasi dan hebahan di semua peringkat, bermula daripada pengurusan tertinggi melalui pelbagai kaedah seperti **Mesyuarat Akademik, MKSP, JKEN, PJIA, KPP** serta ahli fakulti yang berperanan sebagai pelaksana program. Bagi memastikan semua pihak sentiasa peka terhadap pelaksanaan aktiviti, emel rasmi UiTMCK dihantar secara berkala kepada seluruh warga kampus agar mereka maklum dengan program yang menyokong pencapaian PI jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan.

Dalam kalangan pelajar, pembudayaan bidang tumpuan dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti kesukarelawan. Penglibatan pelajar menerusi persatuan dan kelab di bawah **Hal Ehwal Pelajar (HEP)** berjaya menyemarakkan semangat kesukarelawan di samping memberi pengalaman bermakna dalam aktiviti kemasyarakatan bersama komuniti setempat. Contohnya, tabung kecemasan pelajar diwujudkan daripada inisiatif pelajar sendiri bagi membantu mana-mana pelajar yang memerlukan bantu (Bukti 1.5.1).

Program yang mencapai **penarafan bintang** pula akan dipromosikan melalui poster hebahan di laman web rasmi UiTMCK, emel staf, serta Facebook rasmi UiTMCK. Langkah ini dapat meningkatkan motivasi pelaksana program serta menggalakkan warga kampus untuk terus membudayakan pelaksanaan bidang tumpuan (Bukti 1.5.2).

Pengurusan kanan UiTMCK turut memberi penekanan kepada integrasi bidang tumpuan melalui akademik. **Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM)** dimasukkan dalam silibus kursus tertentu dan dipantau oleh **Koordinator Program (KP)** sebelum dilaporkan kepada **Hal Ehwal Akademik (HEA)** (Bukti 1.5.3).

Selain itu, pengurusan kanan UiTMCK juga memperkukuh integrasi bersama komuniti dan alumni melalui pelaksanaan program kolaboratif. Alumni yang ingin menyumbang dana turut dialu-alukan bagi menyokong aktiviti komuniti (Bukti 1.5.4). Sokongan padu kepimpinan universiti terhadap pemerkasaan bidang tumpuan dapat dilihat melalui kerjasama strategik bersama pelbagai industri dan agensi. Malah, **Memorandum Persefahaman (MoU)** antara UiTM dan rakan industri membolehkan objektif bidang tumpuan dicapai (Bukti 1.5.5).

Hubungan erat UiTM dengan rakan strategik diyakini memberi impak positif melalui jaringan alumni, industri dan kesukarelawan, seterusnya menyumbang kepada pencapaian **Pelan Strategik UiTM 2025: Ke Arah Kompetensi Global**.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_K01\\_KB05\\_20251\\_UiTMCK Bukti1.5.1 AKNC 2025.pdf](#)
2. [K0058\\_K01\\_KB05\\_20252\\_UiTMCK Bukti1.5.2 AKNC 2025.pdf](#)
3. [K0058\\_K01\\_KB05\\_20253\\_UiTMCK Bukti1.5.3 AKNC 2025.pdf](#)
4. [K0058\\_K01\\_KB05\\_20254\\_UiTMCK Bukti1.5.4 AKNC 2025.pdf](#)
5. [K0058\\_K01\\_KB05\\_20255\\_UiTMCK Bukti1.5.5 AKNC 2025.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sejak tahun 2020, UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) telah **melaksanakan perancangan strategik berpandukan Pelan Strategik UiTM2025** dengan aspirasi menjadikan UiTM sebagai Universiti Terkemuka Dunia menjelang 2025. Selaras dengan visi ini, UiTMCK memberi tumpuan kepada tiga teras utama iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai. Pada tahun 2024, **UiTMCK melangkah ke fasa *Globally Respected*, yang menekankan pengukuhan reputasi, kredibiliti, dan ketampakkan di peringkat antarabangsa.** Fasa ini memberi fokus kepada pencapaian yang berimpak tinggi, bukan sahaja melalui peluasan jaringan strategik tetapi juga melalui hasil kolaborasi yang memberikan nilai tambah kepada pelajar, staf, industri, komuniti dan negara. Seiring dengan aspirasi Naib Canselor, UiTMCK menggerakkan pelan strategik dengan memberi penekanan kepada Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan sebagai tema utama.

Usaha ini diterjemahkan melalui **pemeriksaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang menekankan kualiti serta keberhasilan kerjasama strategik bersama industri dan universiti antarabangsa.** Inisiatif yang digerakkan bukan sahaja memperluas rangkaian, malah mewujudkan platform kolaborasi berimpak tinggi dengan rakan industri global dan institusi akademik terkemuka. Pada masa yang sama, UiTMCK memperkukuh jaringan komuniti dan alumni melalui pembangunan sistem data bersepadu yang menyokong hubungan strategik secara lebih mampan dan berjangka panjang.

Bagi mencapai matlamat ini, **pelan perancangan UiTMCK 2024 memberi tumpuan kepada Strategi Inisiatif Utama** yang menekankan kerjasama universiti-industri bagi memupuk pengalaman dunia sebenar, di samping menyokong keperluan industri melalui kepakaran akademik dan penyelidikan UiTM yang dimanfaatkan di prasarana rakan strategik. Pada masa yang sama, UiTMCK berusaha mewujudkan sistem bersepadu pangkalan data alumni untuk memperkukuh jaringan kolaborasi jangka panjang, selain memperluas potensi kerjasama dengan pelbagai syarikat dan institusi. Melalui pelaksanaan strategi ini, UiTMCK berhasrat untuk memanfaatkan rangkaian kerjasama universiti-industri secara optimum, sekali gus mewujudkan ekosistem yang holistik bagi memperkukuh peranan universiti dalam menyelesaikan isu-isu masyarakat, selaras dengan aspirasi Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs).

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan, UiTMCK terus mengamalkan pendekatan **PDCA (Plan-Do-Check-Act)**. Pada peringkat **Perancangan (Plan)**, hala tuju strategik dirangka secara inklusif melibatkan pengurusan eksekutif, ketua bahagian, ketua pusat pengajian dan warga universiti. Pada peringkat **Peringkat Pelaksanaan (Do)**, pelaksanaan dijayakan melalui Pelan Tindakan Strategik (SAP) yang digerakkan oleh Ketua Pusat Tangugjawab (Pemilik) dan Ketua Bahagian serta Ketua Pusat Pengajian (Pelaksana) serta warga UiTMCK. Peringkat **Pemantauan (Check)** dilaksanakan secara berkala melalui pemantauan, analisis data serta pelaporan berasaskan bukti untuk menilai keberhasilan. Seterusnya, peringkat **Tindakan Penambahbaikan (Act)** menekankan tindakan penambahbaikan berterusan termasuk penyusunan strategi yang lebih adaptif dan pengurusan risiko yang lebih proaktif. Justeru, pelan perancangan strategik UiTMCK 2024 telah dilaksanakan berpandukan pendekatan **PDCA**.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi merealisasikan aspirasi UiTM untuk menjadi universiti terkemuka dunia menjelang 2025, UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) melaksanakan **pendekatan secara holistik dalam membangunkan pelan perancangan strategik**. Pendekatan ini melibatkan penglibatan menyeluruh daripada Pengurusan Eksekutif, Ketua Pusat Tanggungjawab, serta seluruh warga UiTMCK dalam proses merangka dan membangunkan Pelan Tindakan Strategik (SAP), termasuk pembangunan projek, inisiatif, program dan aktiviti sokongan di peringkat fakulti, bahagian, unit dan PTJ.

Pendekatan holistik ini dilaksanakan melalui **sesi libat urus** bagi menetapkan hala tuju strategik bersama Pengurusan Eksekutif, Ketua Bahagian, Ketua Pusat Pengajian serta warga universiti. Ia berlandaskan Teras Strategik Kecemerlangan Global yang menekankan aspek Jaringan Alumni, Komuniti Dan Kesukarelawan. (Bukti 2.2.1)

Pada tahun 2024, UiTMCK menerima set petunjuk prestasi (PI) daripada Bahagian Transformasi Universiti (BTU) yang merangkumi **lapan peneraju utama**. Bagi memperkukuh agenda Jaringan Alumni, Komuniti Dan Kesukarelawan, UiTMCK membangunkan SAP dengan memberi penekanan khusus kepada PI yang berorientasikan jaringan industri, penyelidikan, alumni dan komuniti di bawah Peneraju Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (BPJIA-ICAN). (Bukti 2.2.2)

Selaras dengan sasaran UiTM GRU2025, **UiTMCK berhasrat menjadi penyumbang utama melalui pelaksanaan pelan strategik** yang berpaksikan sasaran PI. Proses ini dilaksanakan melalui bengkel perancangan tahunan yang melibatkan pengurusan eksekutif, ketua bahagian, unit dan fakulti. Bengkel ini menjadi wadah bagi perkongsian pengetahuan, kepakaran serta penggunaan aplikasi inovasi yang dibangunkan oleh Unit Transformasi Universiti (UTU) UiTMCK dan BTU. Melalui pendekatan ini, pembangunan SAP dapat dihasilkan secara lebih sistematik, berdaya laksana dan berimpak tinggi. (Bukti 2.2.3)

Tambahan pula, penggunaan aplikasi inovasi telah memperkukuh keberkesanan perancangan, pemantauan dan pelaporan PI. **UiTMCK membangunkan sistem i-Strategik** yang digunakan sepenuhnya untuk perancangan dan pemantauan strategik di peringkat kampus (Rujuk Bukti 2.2.4). Pada masa yang sama, sistem UiSMS dan Power BI yang dibangunkan BTU digunakan bagi tujuan pendaftaran SAP, pemantauan serta pengesahan data pencapaian. (Bukti 2.2.5)

Secara keseluruhannya, pendekatan ini telah memperkukuh agenda Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan melalui pelaksanaan SAP yang memberi tumpuan kepada Petunjuk Prestasi Utama. Hasilnya, **UiTMCK berjaya meningkatkan keberkesanan jaringan industri dan universiti antarabangsa**, seterusnya memperkukuh kedudukan serta keterlihatan UiTMCK di peringkat nasional dan global. Usaha ini secara langsung menyokong pencapaian matlamat UiTM untuk muncul sebagai Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_P01\\_PB02\\_20251\\_UiTMCK BUKTI 2.2.1.pdf](#)
2. [K0058\\_P01\\_PB02\\_20252\\_UiTMCK BUKTI 2.2.2.pdf](#)
3. [K0058\\_P01\\_PB02\\_20253\\_UiTMCK BUKTI 2.2.3.pdf](#)
4. [K0058\\_P01\\_PB02\\_20254\\_UiTMCK BUKTI 2.2.4.pdf](#)
5. [K0058\\_P01\\_PB02\\_20255\\_UiTMCK BUKTI 2.2.5.pdf](#)
6. [K0058\\_P01\\_PB02\\_20251\\_UiTMCK BUKTI 2.2.1.pdf](#)
7. [K0058\\_P01\\_PB02\\_20252\\_UiTMCK BUKTI 2.2.2.pdf](#)
8. [K0058\\_P01\\_PB02\\_20253\\_UiTMCK BUKTI 2.2.3.pdf](#)
9. [K0058\\_P01\\_PB02\\_20254\\_UiTMCK BUKTI 2.2.4.pdf](#)
10. [K0058\\_P01\\_PB02\\_20255\\_UiTMCK BUKTI 2.2.5.pdf](#)



## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelaksanaan pelan perancangan strategik UiTMCK dirangka berpandukan Pelan Strategik UiTM2025 bagi memastikan aspirasi UiTM untuk menjadi Universiti Terkemuka Dunia menjelang 2025 dapat direalisasikan. Proses ini bermula dengan **penyediaan pelan tindakan bersama Pemilik dan Pelaksana**, diikuti pelaksanaan program dan aktiviti yang diselenggarakan untuk mencapai sasaran Petunjuk Prestasi (PI) yang telah ditetapkan.

Bagi memastikan hala tuju pelan strategik difahami dengan jelas serta dilaksanakan secara konsisten, **penyampaian maklumat dilaksanakan melalui bengkel Pelan Tindakan Strategik (SAP)** yang dikendalikan oleh Unit Transformasi Universiti (UTU) UiTMCK. Bengkel ini melibatkan semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ), termasuk ketua unit, bahagian dan fakulti, bagi merangka strategi mengikut bidang masing-masing. Proses ini turut disokong oleh penggunaan sistem i-Strategik UiTMCK yang membolehkan setiap agihan PI direkodkan dan dipantau dengan lebih sistematik. (Bukti 2.3.1)

Selain bengkel, maklumat perancangan strategik turut disebarkan secara berterusan melalui **mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan mesyuarat akademik**. Penyampaian maklumat ini bertujuan memastikan semua ketua PTJ dan warga UiTMCK sentiasa dimaklumkan mengenai perkembangan perancangan serta pencapaian semasa (Bukti 2.3.2). Untuk meningkatkan keberkesanan komunikasi, hebahan turut dibuat melalui platform digital seperti Google Classroom dan aplikasi WhatsApp rasmi yang dibangunkan oleh UTU UiTMCK. (Bukti 2.3.3)

Dalam usaha memperkasakan agenda Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, UTU UiTMCK telah **membangunkan sistem i-Strategik** sebagai medium utama bagi mengagihkan sasaran PI kepada Pemilik dan Pelaksana. Setiap inisiatif yang dirancang direkodkan ke dalam sistem ini melalui Borang Perancangan dan Pencapaian (BPP), yang berfungsi sebagai rujukan rasmi bagi memastikan ketelusan dan keselarasan maklumat. **Sistem i-Strategik turut menyediakan Dashboard Perancangan** yang membantu Pemilik dan Pelaksana dalam menyelaras pelbagai inisiatif yang dilaksanakan. Paparan ini membolehkan mereka memantau bilangan inisiatif yang telah dirancang serta jumlah sasaran yang perlu dicapai. Perancangan yang ideal adalah apabila jumlah inisiatif yang dirancang selari dengan jumlah sasaran yang ditetapkan, sekali gus menggambarkan tahap kecekapan perancangan strategik yang dilaksanakan (Bukti 2.3.4).

Selain itu, **BPP dan Dashboard Perancangan dalam sistem i-Strategik boleh diakses melalui Google Classroom** khusus untuk kumpulan Pemilik, Pelaksana, dan warga UiTMCK. Kaedah ini membolehkan data perancangan disebarkan dengan lebih meluas, namun tetap terhad mengikut peranan dan tanggungjawab masing-masing. Hal ini bukan sahaja meningkatkan keterlihatan dan keterangkuman, malah memastikan proses penyelarasan strategik dilaksanakan secara lebih sistematik dan telus. (Bukti 2.3.5).

Di samping itu, UTU menyediakan **Dashboard Pencapaian bagi memastikan setiap Pemilik dan Pelaksana** mengemaskini prestasi semasa secara berkala. Laporan ini dipaparkan dalam bentuk graf dan carta pai yang bukan sahaja memberi gambaran jelas mengenai pencapaian, malah menjadi motivasi tambahan untuk meningkatkan prestasi. Maklumat tersebut turut diakses oleh seluruh warga UiTMCK, sekali gus memperkukuh kefahaman terhadap hala tuju strategik UiTM2025 dan memastikan setiap lapisan warga bersama-sama menyumbang ke arah menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia menjelang 2025.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_P01\\_PB03\\_20251\\_UiTMCK BUKTI 2.3.1.pdf](#)
2. [K0058\\_P01\\_PB03\\_20252\\_UiTMCK BUKTI 2.3.2.pdf](#)

3. [K0058\\_P01\\_PB03\\_20253\\_UiTMCK BUKTI 2.3.3.pdf](#)
4. [K0058\\_P01\\_PB03\\_20254\\_UiTMCK BUKTI 2.3.4.pdf](#)
5. [K0058\\_P01\\_PB03\\_20255\\_UiTMCK BUKTI 2.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memastikan hala tuju pelan strategik UiTMCK tercapai, proses pemantauan dilaksanakan secara berstruktur melibatkan Pemilik dan Pelaksana. Pada peringkat Ketua PTJ, **pemantauan dijalankan melalui mesyuarat bulanan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** bersama ketua PTJ untuk menyemak, menilai dan membandingkan perancangan dengan pencapaian berasaskan Petunjuk Prestasi (PI) yang telah ditetapkan. Mesyuarat ini bertujuan memastikan setiap PI dan Outcome Deliverables (OD) yang ditetapkan oleh BTU dapat dicapai serta mengenal pasti sebarang isu yang timbul semasa pelaksanaan. (Bukti 2.4.1.1)

Di samping itu, pemantauan turut melibatkan **Pelaksana yang dikehendaki melaporkan kemajuan melalui bengkel pelaporan berkala**. Bengkel ini menjadi platform penilaian bersama Pemilik dan Pelaksana untuk menyemak status pelaksanaan, menilai keberkesanan strategi serta mengenal pasti cabaran yang wujud semasa pelaksanaan pelan strategik. (Bukti 2.4.1.2)

Proses pemantauan juga diperkuatkan melalui **sistem digital i-Strategik UiTMCK**. Pemilik dan Pelaksana wajib mengemaskini serta melaporkan maklumat perancangan dan pencapaian melalui borang yang disediakan dalam sistem tersebut. Setiap pencapaian perlu disokong dengan bukti yang dimuat naik sebelum disemak dan disahkan oleh Pemilik. Sistem ini membolehkan status pencapaian dipantau secara masa nyata melalui Dashboard Pencapaian, yang memaparkan pencapaian keseluruhan UiTMCK, analisis mengikut PI, serta prestasi berdasarkan Pemilik dan Pelaksana. (Bukti 2.4.1.3)

Bagi memperkukuh agenda Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, UTU memantau perancangan melalui sistem i-Strategik serta mesyuarat berkala bersama Pemilik dan Pelaksana. Di peringkat fakulti, perancangan yang dibangunkan oleh Pelaksana turut **dibentang dan dibincangkan dalam mesyuarat akademik** bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan. Melalui pendekatan ini, pemantauan dilaksanakan secara sistematik dan telus, dengan data perancangan serta pencapaian mudah diakses melalui i-Strategik. Maklumat pencapaian turut digunakan dalam pelaporan mesyuarat utama, manakala Dashboard Pencapaian boleh diakses oleh seluruh warga UiTMCK melalui Google Classroom. UTU seterusnya membentangkan pencapaian terkini dalam mesyuarat bulanan JKEN bagi memastikan proses pelaksanaan sentiasa dipantau dan ditambah baik secara berterusan. (Bukti 2.4.1.4)

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20251\\_UiTMCK\\_BUKTI\\_2.4.1.1.pdf](#)
2. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20252\\_UiTMCK\\_BUKTI\\_2.4.1.2.pdf](#)
3. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20253\\_UiTMCK\\_BUKTI\\_2.4.1.3.pdf](#)
4. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20254\\_UiTMCK\\_BUKTI\\_2.4.1.4.pdf](#)

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam usaha memastikan Petunjuk Prestasi (PI) dapat dicapai, UiTMCK melaksanakan proses pengenalanpastian dan pengurusan risiko sepanjang pelaksanaan perancangan strategik. Bengkel perancangan strategik yang diketuai oleh Ketua PTJ dan pasukan masing-masing menjadi **platform utama untuk menilai potensi risiko, dengan mengambil kira aspek kos, kategori, tahap risiko serta pelan mitigasi** yang sesuai. Pendekatan ini membolehkan risiko dikenal pasti lebih awal, sekali gus memudahkan tindakan pencegahan dilaksanakan secara terancang.

Bagi menyokong kelancaran pelaksanaan, UTU UiTMCK turut membangunkan templat SAP yang komprehensif untuk digunakan semasa bengkel perancangan strategik. Templat ini berfungsi sebagai panduan bagi Ketua PTJ dan pasukan mereka dalam mengenal pasti serta mengurus risiko dengan lebih sistematik. Antara tujuan utama penyediaan templat tersebut ialah **memastikan risiko projek, program atau aktiviti melibatkan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan** dapat dikesan lebih jelas, dipantau dengan berkesan, dan disertai cadangan langkah pencegahan. Kaedah ini juga memudahkan pihak pengurusan universiti mendapatkan maklumat yang lebih telus mengenai tindakan mitigasi yang diperlukan bagi menjamin kelancaran pelaksanaan. (Bukti 2.4.2.1)

Selain itu, risiko berkaitan ketidakcapaian PI di bawah agenda Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan turut direkodkan dalam Sistem *UiTM Strategic Management System* (UiSMS). **Ketua projek bersama pasukannya bertanggungjawab mendaftarkan risiko, mengemaskini status**, dan menjalankan analisis mengikut tahap impak yang dikategorikan kepada rendah, sederhana, tinggi dan ekstrem. Melalui UiSMS, proses pengurusan risiko dilaksanakan dengan lebih telus, teratur dan berasaskan data. (Bukti 2.4.2.2)

Secara keseluruhannya, **semua projek dan inisiatif strategik telah berjaya didaftarkan dan dipantau dalam sistem yang dibangunkan oleh BTU dan UTU UiTMCK**. Komunikasi yang cekap serta kolaborasi erat antara pemimpin projek, pelaksana dan warga universiti telah membolehkan risiko dikenal pasti, ditangani dan dikawal dengan berkesan. Pendekatan ini memastikan setiap projek dan program dapat dilaksanakan dengan lancar, strategik dan selamat, sekali gus menyokong UiTMCK mencapai objektif strategik di bawah agenda Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20251\\_UiTMCK BUKTI 2.4.2.1.pdf](#)
2. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20252\\_UiTMCK BUKTI 2.4.2.2.pdf](#)

### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tindakan mengkaji semula dan menambah baik perancangan strategik UiTMCK dilaksanakan melalui proses semakan dan pemantauan berasaskan agihan Petunjuk Prestasi (PI) kepada setiap bahagian. Tumpuan khusus diberikan kepada agenda Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan yang **dipantau melalui Dashboard Pencapaian i-Strategik UiTMCK**. Hal ini selaras dengan Teras Strategik Kecemerlangan Global dalam Pelan Strategik UiTM2025, yang menekankan keberhasilan kolaborasi berimpak tinggi bersama rakan industri dan universiti di peringkat nasional dan antarabangsa.

Bagi memperkukuh keberkesanan pencapaian, UiTMCK melalui UTU **melaksanakan siri bengkel dan mesyuarat bersama Pemilik dan Pelaksana** (Bukti 2.4.3.3), termasuk Mesyuarat Pemantauan Pencapaian Sukuan. Platform ini memberi ruang untuk menilai semula perancangan, berbincang mengenai cabaran pelaksanaan, serta merangka tindakan penambahbaikan yang lebih strategik. Hasil perbincangan ini membolehkan **penstrukturan semula pelan dilaksanakan secara lebih komprehensif dan holistik**, sekali gus memastikan SAP yang dibangunkan berkualiti tinggi serta selari dengan hala tuju Pelan Strategik UiTM2025. (Bukti 2.4.3.1)

Dalam usaha melonjakkan kecemerlangan agenda Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, Pemilik dan Pelaksana UiTMCK mengambil **pendekatan proaktif dengan menekankan amalan penambahbaikan berterusan**. Pendekatan ini merangkumi tindakan strategik yang teliti serta berfokus, yang telah terbukti melalui **peningkatan pencapaian PI** di bawah Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (BPJIA). Peningkatan berterusan ini menjadi bukti bahawa strategi yang dilaksanakan adalah berkesan dan memberi impak nyata, sekali gus memperkukuh peranan UiTMCK dalam menyokong aspirasi UiTM sebagai universiti terkemuka dunia menjelang 2025. (Bukti 2.4.3.2)

Secara keseluruhannya, proses kajian semula dan tindakan penambahbaikan terhadap strategi, khususnya dalam SAP bagi agenda Jaringan Alumni, Komuniti Dan Kesukarelawan, telah menunjukkan peningkatan berterusan serta pencapaian positif terhadap skor PI bahagian PJIA ICAN.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20251\\_UiTMCK BUKTI 2.4.3.1.pdf](#)
2. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20252\\_UiTMCK BUKTI 2.4.3.2.pdf](#)
3. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20253\\_BUKTI 2.4.3.3.pdf](#)

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi merealisasikan Pelan Strategik UiTM2025 dan mengangkat UiTMCK ke arah aspirasi Globally Renowned University (GRU2025), UiTMCK **komited untuk menjadi penyumbang utama melalui penambahbaikan perancangan dan pelaksanaan PI secara berterusan**. Sehubungan itu, UTU UiTMCK telah memperkenalkan elemen inovasi baharu melalui pembangunan aplikasi i-Strategik UiTMCK yang berkonsepkan capaian maklumat bersepadu. (Bukti 2.5.1). Aplikasi ini membolehkan pelaksana mengakses, mengisi, dan menghantar borang dengan lebih sistematik serta efisien. Taklimat penggunaan sistem ini telah diberikan kepada Pemilik dan Pelaksana, sekaligus memastikan pemahaman yang jelas sebelum pelaksanaan sepenuhnya.

Penggunaan aplikasi i-Strategik UiTMCK diaplikasikan secara menyeluruh bermula daripada peringkat perancangan dan pembangunan SAP sehingga pelaksanaan dan pemantauan aktiviti, program, serta projek PI yang telah diagihkan. Sebagai contoh, bagi bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, pendaftaran SAP dilaksanakan oleh Pengarah Projek iaitu Timbalan Rektor PJIA, dengan sokongan Pengurus Projek (Koordinator ICAN) serta pasukan projek yang terdiri daripada Ketua Bahagian, Ketua Pusat Pengajian, Ketua Unit, dan warga UiTMCK. (Bukti 2.5.2).

Projek-projek yang telah didaftarkan dalam sistem i-Strategik UiTMCK dipantau dan dikemas kini secara berkala bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan serta pencapaian sasaran PI. Sistem ini turut menjadi sumber utama dalam pelaporan status kemajuan, termasuk peratusan pelaksanaan SAP dan skor pencapaian PI pada asas bulanan dan suku tahunan. Seterusnya, i-Strategik UiTMCK diintegrasikan dengan sistem yang dibangunkan oleh BTU, iaitu Power BI dan UiSMS, bagi membolehkan perbandingan serta pengesahan data dilakukan secara lebih telus dan tepat. (Bukti 2.5.3).

Selain itu, data dan laporan yang dihasilkan disebarikan secara meluas melalui pelbagai platform komunikasi dalaman. Laporan bulanan dikongsi dalam kumpulan WhatsApp Pemilik dan Pelaksana, serta dibentangkan dalam mesyuarat bulanan JKEN. Di samping itu, UTU UiTMCK juga menggunakan aplikasi Google Classroom dan E-mel rasmi bagi menyampaikan maklumat terkini berhubung perkembangan pelaksanaan perancangan strategik dan skor pencapaian UiTMCK kepada semua Pemilik, Pelaksana, serta warga universiti. Kaedah ini bukan sahaja meningkatkan tahap keterlihatan pencapaian, malah memperkukuh budaya akauntabiliti dan keterlibatan bersama seluruh warga UiTMCK. (Bukti 2.5.4).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_P01\\_PB05\\_20251\\_UiTMCK BUKTI 2.5.1.pdf](#)
2. [K0058\\_P01\\_PB05\\_20252\\_UiTMCK BUKTI 2.5.2.pdf](#)
3. [K0058\\_P01\\_PB05\\_20253\\_UiTMCK BUKTI 2.5.3.pdf](#)
4. [K0058\\_P01\\_PB05\\_20254\\_UiTMCK BUKTI 2.5.4.pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Dengan tema “**Championing Datapreneurship, Empowering Community**” UiTMCK amat menitikberatkan kualiti perkhidmatan dan kepuasan hati pelanggan. Pelbagai inisiatif, usaha dan aktiviti yang bermanfaat serta berimpak tinggi terhadap para pelanggan yang terdiri daripada pelbagai pihak seperti pelajar, komuniti, alumni, pihak industri, pembekal dan organisasi atau agensi telah dijalankan. Bagi meneruskan kesinambungan pelaporan tahun terdahulu, UiTMCK sekali lagi memilih bidang tumpuan ‘**Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan**’ bagi penulisan **Laporan AKNC 2024**.

Selaku institusi yang mendokong penuh aspirasi negara, UiTMCK merangka dan menjalankan inisiatif-inisiatif yang selaras dengan **Pelan Strategik UiTM 2025, Perancangan Strategik UiTMCK 2024, Amanat Naib Canselor 2024 dan Aspirasi Nasional Madani**. Pendekatan dijalankan berdasarkan pemahaman terhadap keperluan dan aspirasi pelanggan yang terdiri daripada **Pelanggan Misi** (ibubapa/penjaga, penaja pelajar, Kementerian Pengajian Tinggi, Lembaga Pengarah Universiti, UiTM dan industri), **Pelanggan Proses** (staf, pelajar, masyarakat dan alumni), **Pelanggan Dalam** (staf UiTMCK) dan **Pelanggan Luar** (universiti, industri, agensi kerajaan dan masyarakat).

Dalam membuat perancangan hala tuju dan operasi tersusun di UiTMCK, **Unit Perancangan Strategik** memainkan peranan penting dan merupakan entiti utama dalam menyebarluaskan inisiatif yang dirancang. Unit ini juga menjalankan pemantauan terhadap semua inisiatif dan memastikan tindakan diambil bagi mencapai sasaran yang ditetapkan. Di UiTMCK, penggunaan **Sistem i-Strategik** dapat membantu kelancaran proses yang dinyatakan. Ini dapat dilihat dalam **pencapaian sasaran inisiatif (PI)** bidang tumpuan khususnya **12 PI di bawah Unit Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN)**. Selain itu, **pelbagai bengkel, mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri, Panel Pembangunan Sumber Manusia, Kajian Semula Pengurusan** juga merupakan wadah perancangan bagi segala aktiviti UiTMCK.

Projek-projek komuniti, penghasilan inovasi dan penganjuran program-program yang dianjurkan merupakan manifestasi kepada perancangan yang telah dibuat secara tersusun dan berkesan. Projek berimpak tinggi seperti **Projek Kerjasama Sistem Pengurusan Kewangan Masjid** yang diguna pakai di **seluruh Kelantan** serta **Program Pemerkasaan & Kelestarian Ekonomi Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Wanita Menggunakan Kaedah I-Akuaponik** yang membantu golongan kurang upaya dapat dilihat memberi kesan positif bagi bidang tumpuan dipilih. Anugerah dalam bentuk **geran dan dana** yang diperolehi UiTMCK seperti **Islamic Economics Research and Innovation Fund (RM311,526.00)**, **Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (RM223,800.00)** dan geran industri **Taman Emas Sdn. Bhd. (RM27,547.00)** merupakan bukti kepercayaan pemegang taruh kepada UiTMCK dalam menyumbang kepada komuniti setempat bahkan juga seluruh negara.

Hasil pemantauan berkala dan analisis pencapaian pelaksanaan program, UiTMCK berjaya menawarkan perkhidmatan berkualiti dan mencapai tahap kepuasan yang diharapkan kumpulan sasar. Ini dapat dilihat apabila UiTMCK meraih **Tempat Pertama dalam Anugerah Penarafan Bintang Terbanyak PTJ di Anugerah MeTIC 14/2025**. Laporan Penilaian Keberkesanan Program juga memberi data maklum balas yang diperlukan bagi tujuan pemantauan. Penambahbaikan berterusan juga amat penting dalam proses tumpuan kepada pelanggan. Hasil maklum balas serta aduan dipandang serius oleh UiTMCK. Mesyuarat peringkat tertinggi meneliti laporan yang dibuat dan tindakan diambil bagi mengatasi serta menambah baik kekurangan yang berlaku. **Bengkel Pelaporan Perancangan Strategik** diadakan secara berkala bagi memastikan apa-apa halangan dapat dikenal pasti. Hasil inovasi seperti **Sistem Perekodan Kewangan Masjid, Sistem Ramalan Awal Wabak Denggi Pintar Bersepadu (IIDEW)** dan **MYCYBERGUARD APP** juga dilihat sebagai

penambahbaikan kepada proses sedia ada yang memberi nilai tambah kepada pelanggan UiTMCK.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCK bertekad terus menjadi mercu tanda kecemerlangan ilmu dan khidmat demi manfaat sejagat selaras dengan **Pelan Strategik UiTM 2025, Perancangan Strategik UiTMCK 2024, Amanat Naib Canselor 2024** dan **Aspirasi Nasional Madani** (Bukti 3.2.1). Pendekatan yang bersepadu dan inovatif dirangka berasaskan pemahaman mendalam terhadap keperluan aspirasi pelanggan yang terdiri daripada **Pelanggan Misi** (ibubapa/penjaga, penaja pelajar, Kementerian Pengajian Tinggi, Lembaga Pengarah Universiti, UiTM dan industri), **Pelanggan Proses** (staf, pelajar, masyarakat dan alumni), **Pelanggan Dalam** (staf UiTMCK) dan **Pelanggan Luar** (universiti, industri, agensi kerajaan dan masyarakat). Bagi memastikan matlamat bidang tumpuan (BT) tercapai, kumpulan pelanggan utama UiTMCK adalah **komuniti, industri, agensi kerajaan serta swasta**.

Dalam usaha memastikan penglibatan aktif universiti bersama industri, komuniti dan agensi, setiap program sukarelawan dan tanggungjawab sosial yang dirancang akan direkodkan dalam **sistem i-Strategik**. Sistem yang tersusun dan sistematik ini mempamerkan perancangan dan pencapaian PI sepanjang tahun semasa. Setiap perancangan program akan dibentangkan dalam **Bengkel Strategic Action Plan (SAP)** oleh Pemilik PI, manakala Pelaksana perlu memastikan objektif pelaksanaan program dipetakan mengikut PI yang telah ditetapkan. Maklum balas yang diperolehi semasa bengkel dan **mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** akan dianalisis dan ditambahbaik sebelum pelaksanaan program supaya kumpulan sasaran mendapat manfaat secara holistik (Bukti 3.2.2).

**Amanat Naib Canselor 2024** dijadikan sebagai panduan dalam menyantuni kumpulan sasaran seperti yang dinyatakan dalam **Penekanan #4**. Perancangan inisiatif adalah tertumpu kepada Pelan Penglibatan Komuniti dan Industri melalui pendekatan 'Quintuple Helix' menerusi program kolaborasi berimpak. **Kursus Pengurusan Kewangan Masjid** hasil kolaborasi UiTMCK dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), **Program Pemerkasaan Kemahiran Berkomunikasi dan Teknik Penyampaian bagi Jurupandu Pelancong di Stong Geopark, Kelantan** tajaan Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia dan **program komuniti bersama pelajar Pondok Tahfizul Qur'an Shah - Amin Umm Al Washliyah di Medan, Indonesia** adalah antara usaha UiTMCK dalam mengukuhkan penglibatan agensi tempatan dan antarabangsa ke arah menjadikan UiTM sebagai Universiti Terkemuka Dunia (Bukti 3.2.3).

Selain itu, **6 Tonggak Malaysia MADANI** (khususnya **konsep Ihsan**) menjadi panduan utama dalam penyediaan kerangka strategik, dengan memastikan UiTMCK berperanan aktif bersama industri, komuniti, pihak berkuasa dan agensi kerajaan. Bagi memenuhi keperluan rakyat, mengurangkan beban sara hidup, dan menoktahkan miskin tegar, program komuniti berimpak tinggi seperti **Program Pemerkasaan dan Kelestarian Ekonomi Golongan OKU Wanita**, dan **Digital Marketing Empowerment (DIME2024)** telah dilaksanakan dan berjaya menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan kesejahteraan masyarakat setempat (Bukti 3.2.4).

Geran dan dana yang diperolehi diinspirasikan untuk disalurkan secara strategik kepada komuniti demi memperkasakan pembangunan lestari dan memacu kemajuan negara. Perolehan **geran nasional** seperti **Islamic Economics Research and Innovation Fund (RM311,526.00)** berjaya menghasilkan aplikasi **MyCyberGuard** hasil integrasi pangkalan data Semak Mule PDRM, manakala **Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (RM223,800.00)** bagi projek **Sistem Pengesanan Awal dan Amaran Bersepadu Pintar untuk Ramalan Wabak Denggi** adalah hasil kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kesihatan Negeri yang memberi sumbangan kepada sistem kesihatan awam. Perolehan **geran industri Taman Emas Sdn. Bhd. (RM27,547.00)** pula menyumbang kepada ekonomi masyarakat setempat, peluang keusahawanan dan memberi inspirasi kepada pelapis muda (Bukti 3.2.5). Pendekatan yang dinyatakan jelas mencerminkan komitmen UiTMCK dalam melibatkan kumpulan sasaran utama bagi menjayakan BT.

**SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_T01\\_TB02\\_20251\\_UiTMCK Bukti 3.2.1.pdf](#)
2. [K0058\\_T01\\_TB02\\_20252\\_UiTMCK Bukti 3.2.2.pdf](#)
3. [K0058\\_T01\\_TB02\\_20253\\_UiTMCK Bukti 3.2.3.pdf](#)
4. [K0058\\_T01\\_TB02\\_20254\\_UiTMCK Bukti 3.2.4.pdf](#)
5. [K0058\\_T01\\_TB02\\_20255\\_UiTMCK Bukti 3.2.5.pdf](#)

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMCK komited dalam mengutamakan maklum balas pelanggan bagi memastikan perkhidmatan yang berkesan dan memenuhi jangkaan mereka. Komitmen ini direalisasikan melalui peningkatan kualiti berterusan dan penambahbaikan yang melibatkan kaedah kerja, keperluan pelanggan, serta pendekatan yang sistematik dalam pengumpulan, penyimpanan dan pengenalpastian profil data pelanggan secara menyeluruh. Data pelanggan dikumpul daripada pelbagai aktiviti termasuk data projek dan pengambilan pelajar, serta penentuan bilangan program yang disediakan setiap semester berdasarkan keperluan terkini.

Penggunaan **Borang Aduan Maklum Balas** masih merupakan salah satu kaedah yang efektif dalam mengenalpasti isu dan aduan yang dihadapi oleh pelanggan UiTMCK. Borang ini boleh diakses melalui Peti Aduan Maklum Balas Pelanggan yang ditempatkan di setiap bahagian dan dalam talian yang turut disediakan melalui e-aduan yang boleh dicapai menggunakan Sistem Pengaduan Maklum Balas Pelanggan di laman web rasmi UiTMCK. Kaedah tambahan ialah melalui *Google Form* yang dibangunkan oleh Unit Kualiti Pengendalian Aduan dan Maklum Balas Pelanggan sebagaimana yang terdapat di laman sesawang (Bukti 3.3.1).

**Permohonan Zakat** daripada pelajar yang memerlukan turut menjadi sumber pengumpulan data pelanggan. Pengendalian proses ini dijalankan oleh Unit Zakat, Sedekah, dan Wakaf UiTMCK dengan keputusan diambil dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat Bulanan UiTMCK. Pengurusan rekod pemohon dan penerima dilaksanakan secara holistik merangkumi pengumpulan, analisis, semakan dan penyimpanan maklumat dengan pendekatan yang telus dan berstruktur. Kolaborasi dengan pihak industri dalam program zakat ditunjukkan melalui sumbangan zakat kepada asnaf UiTMCK oleh pelbagai pihak seperti Program Hari Bersama Pelanggan dengan kerjasama Maybank Cawangan Tanah Merah yang bertujuan memberi pendedahan kepada warga UiTMCK mengenai amalan dan pengurusan zakat, sedekah dan wakaf (Bukti 3.3.2).

**Kajian Pengesanan Graduan (SKPG 1)** dilaksanakan untuk mendapatkan maklumbalas graduan tentang program, kemudahan dan perkhidmatan UiTM bagi menyokong Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 KPT dalam melahirkan graduan holistik yang berdaya saing global (Bukti 3.3.3). **Program REIACt Day 2024** pula diadakan setiap tahun untuk menggalakkan penyelidikan, jaringan industri, alumni dan keusahawanan serta mengiktiraf sumbangan akademik, pelajar dan alumni UiTMCK (Bukti 3.3.4). Program seperti ini adalah bertepatan dengan PI019 yang memerlukan peningkatan serta bukti penglibatan alumni yang berjaya sebagai usahawan di mana UiTMCK mencatat pencapaian sebanyak 227.5% dengan catatan sebanyak 102 pencapaian berbanding sasaran tahun 2023.

Penyertaan pemegang taruh dan pelajar dalam jaringan komuniti, alumni dan kesukarelawan dapat dilihat melalui projek peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang melibatkan pensyarah, pelajar dan alumni. **Aktiviti kesukarelawan komuniti mendapat sambutan positif daripada warga UiTMCK**, menyokong matlamat *University Social Responsibility (USR)* dalam pembangunan akademik dan sahsiah yang dibincangkan dan dibentangkan dalam **Bengkel Strategic Action Plan (SAP) UiTMCK 2024**. Ini dicapai melalui pertambahan MoU dan MoA dengan institusi pendidikan tinggi dan industri tempatan serta antarabangsa, mewujudkan peluang untuk mengembangkan jaringan komuniti dan aktiviti kesukarelawan yang berkesan. Kesemua ini berjaya dizahirkan melalui pencapaian PI017, PI073 dan PI074 berkaitan bilangan MoU dan Moa yang berjaya ditandatangani dengan statistik sebanyak 140%, 500% & dan 20% mengikut kategori masing-masing (Bukti 3.3.5).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_T01\\_TB03\\_20251\\_UiTMCK\\_Bukti\\_3.3.1.pdf](#)
2. [K0058\\_T01\\_TB03\\_20252\\_UiTMCK\\_Bukti\\_3.3.2.pdf](#)

- 
3. [K0058\\_T01\\_TB03\\_20253\\_UiTMCK Bukti 3.3.3.pdf](#)
  4. [K0058\\_T01\\_TB03\\_20254\\_UiTMCK Bukti 3.3.4.pdf](#)
  5. [K0058\\_T01\\_TB03\\_20255\\_UiTMCK Bukti 3.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

UiTMCK menitikberatkan pemantauan keperluan kumpulan pelanggan utama. Pemantauan yang berterusan dan efektif membolehkan tindakan penambahbaikan dilaksanakan demi menjamin kebaikan dan kepuasan pelanggan.

Setiap pencapaian program yang direkodkan di dalam **sistem i-Strategik** akan dibentangkan oleh Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti di dalam **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)**, **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** dan **Bengkel Pelaporan Pencapaian UiTMCK**. Laporan pencapaian disebar luas kepada warga kampus supaya pihak bertanggungjawab dapat memantau pencapaian PI dan merancang tindakan penambahbaikan yang sesuai (Bukti 3.4.1.1). Hasilnya, skor pencapaian prestasi UiTMCK yang dikeluarkan oleh Pejabat Transformasi Universiti bagi 2024 adalah 82.8% (5 Bintang) dan purata skor pencapaian prestasi UiTMCK bagi 2021 - 2024 adalah 85.6% (6 Bintang) (Bukti 3.4.1.2).

Pemantauan pencapaian PI juga dilakukan oleh pihak ICAN melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN)** yang membincangkan status kebolehcapaian PI. Hasil pemantauan berkala dan analisa pencapaian pelaksanaan program, UiTMCK berjaya menjalankan projek komuniti berimpak sehinggakan mendapat pengiktirafan yang bermakna. Sebagai contoh, DIME2024, inisiatif pemerikasaan pemasaran digital dalam kalangan usahawan miskin B40 di enam daerah di Kelantan, telah merangkul Tempat Ketiga bagi Anugerah Projek Komuniti (Penyelidikan/Inovasi) sempena MeTIC 14/2025 serta Anugerah Penjanaaan Projek KTP Terbaik sempena REIACt Day 2024 UiTMCK (Bukti 3.4.1.3).

Penglibatan pelanggan dalam program komuniti di pelbagai peringkat memberi manfaat besar daripada sudut pembangunan ekonomi, pemindahan ilmu pengetahuan dan pengukuhan kerjasama strategik. **Laporan Penilaian Keberkesanan Program** adalah instrumen untuk mengukur keberhasilan program komuniti telah menunjukkan dapatan positif dan memberangsangkan. Pemantauan berterusan terhadap projek-projek yang berdaftar di bawah ICAN telah memungkinkan UiTMCK meraih Tempat Pertama dalam Anugerah Penarafan Bintang Terbanyak PTJ di Anugerah MeTIC 14/2025, sekali gus membuktikan komitmen tinggi UiTMCK dalam memastikan pelanggan menerima ganjaran yang sewajarnya (Bukti 3.4.1.4).

Komuniti, khususnya masyarakat setempat berpeluang menikmati manfaat melalui **penghasilan inovasi** penyelidikan UiTMCK. Kolaborasi bersama MAIK menghasilkan inovasi Sistem Pengurusan Kewangan Masjid yang memanfaatkan pengurusan masjid seluruh Kelantan, manakala projek Sistem Pengesanan Awal dan Amaran Bersepadu Pintar untuk Ramalan Wabak Denggi yang memantau risiko wabak membolehkan tindakan pantas dan keputusan segera diambil oleh Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kesihatan Negeri. Inisiatif inovatif ini memperkasakan komuniti dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh (Bukti 3.4.1.5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20251\\_UiTMCK Bukti 3.4.1.1.pdf](#)
2. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20252\\_UiTMCK Bukti 3.4.1.2.pdf](#)
3. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20253\\_UiTMCK Bukti 3.4.1.3.pdf](#)
4. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20254\\_UiTMCK Bukti 3.4.1.4.pdf](#)
5. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20255\\_UiTMCK Bukti 3.4.1.5.pdf](#)

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCK komited dalam memastikan pengenalpastian dan pengurusan risiko dijalankan secara optimum untuk meningkatkan jaringan komuniti, alumni dan kesukarelawan. Enam jenis risiko perlu didaftarkan iaitu Risiko Strategik, Kewangan, Perundangan, Reputasi, Operasi, dan Projek. Unit Pengurusan Risiko UiTMCK mengambil langkah proaktif dengan mengedarkan Borang Penilaian Risiko serta sistem pendaftaran dalam talian yang boleh dicapai melalui sistem **UiTM Strategic Management System (UISMS)** (Bukti 3.4.2.1) berkaitan kertas kerja, projek penajaan pendapatan, dan aktiviti program kepada pegawai bertanggungjawab untuk mengenalpasti risiko serta kaedah mengawal risiko.

Setelah maklumat dikumpul, pengurusan risiko yang didaftarkan mengikut prosedur dalam **Carta Alir Pengoperasian Pengurusan Risiko UiTM** (Bukti 3.4.2.2) bagi membolehkan PTJ memantau perkembangan dan mendapat maklumbalas dalam masa ditetapkan. Ini bagi memastikan setiap langkah yang diambil mencapai jangkaan pelanggan. Risiko dikawal mengikut **Jadual Indeks Kebarangkalian** berskala lima dan rujukan kepada **Jadual Tahap Impak serta Matriks Kebarangkalian dan Impak** mengikut kategori berdasarkan warna ini memudahkan pihak bertanggungjawab menjalankan fungsi dan tugas masing-masing seperti mana yang telah ditetapkan (Bukti 3.4.2.3).

Unit Pengurusan Risiko mengadakan mesyuarat berkala untuk membincangkan semua risiko yang didaftarkan PTJ. Semua PTJ didedahkan dengan **Jadual Tindakan Kawalan Risiko** dan **Jadual Pilihan Tindakan dan Mitigasi** untuk melihat keberkesanan tindakan yang diambil (Bukti 3.4.2.4). Risiko yang berada pada tahap membimbangkan seperti bekalan air bersih, tempat letak kenderaan, kekangan kewangan penyelenggaraan, kemudahan bas, infrastruktur kampus, keselamatan pelajar, dan keselamatan jalan raya telah dikenalpasti dan diberi perhatian sewajarnya supaya segera mendapat tumpuan daripada PTJ. Beberapa cadangan penyelesaian masalah akan diberikan dan Tindakan bersesuaian akan diambil dalam jangka masa yang ditetapkan garis panduan Standard Operation Procedure (SOP) (Bukti 3.4.2.5).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20251\\_UiTMCK Bukti 3.4.2.1.pdf](#)
2. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20252\\_UiTMCK Bukti 3.4.2.2.pdf](#)
3. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20253\\_UiTMCK Bukti 3.4.2.3.pdf](#)
4. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20254\\_UiTMCK Bukti 3.4.2.4.pdf](#)
5. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20255\\_UiTMCK Bukti 3.4.2.5.pdf](#)

### 3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Mekanisma utama maklumbalas dan aduan bagi UiTMCK adalah secara dalam talian seperti **Google Form ('QR code')** di halaman utama website rasmi UiTMCK, **e-aduan fasiliti, e-aduan ICT** serta **emel** (Bukti 3.4.3.1). Jika terdapat maklumbalas dan aduan, ianya akan disalurkan dan dimajukan kepada bahagian berkaitan. Sebagai contoh, maklumbalas atau aduan yang melibatkan Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) akan dimajukan kepada pihak HEA untuk tindakan sewajarnya. Bahagian atau jabatan terlibat juga akan diberikan tempoh untuk menyediakan penjelasan dan jawapan kepada aduan yang dibuat. Seterusnya, pengadu akan dihubungi untuk diberikan maklumbalas berkaitan (Bukti 3.4.3.2). Prosedur tindakan yang diambil juga perlu berdasarkan peraturan serta tatacara yang telah ditetapkan.

Maklumbalas secara khusus juga ditangani melalui **projek serta program yang dijalankan**. Jawatankuasa penganjuran misalnya akan mengedarkan **borang maklumbalas** untuk mengukur tahap keberhasilan sesuatu program yang dijalankan. Antara buktinya adalah projek kerjasama antara Fakulti Perakaunan UiTMCK dan Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). **Hasil maklumbalas** yang diterima dan tindakan berterusan diambil bagi projek yang bermula sejak tahun 2018 ini telah berjaya menghasilkan kejayaan yang memberi faedah kepada seluruh negeri khususnya dalam bidang pengurusan masjid-masjid.

Selain tindakan proaktif terhadap aduan, UiTMCK juga mengambil langkah **penambahbaikan** berkala seperti mengadakan mesyuarat, bengkel dan kursus. Mesyuarat-mesyuarat utama seperti **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Perancangan Strategik dan Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN)** merupakan langkah penambahbaikan penting dalam pengurusan universiti. Laporan Pencapaian Tindakan Pembetulan contohnya akan dibentangkan dalam mesyuarat MKSP dan dibincangkan bagi mengelakkan aduan berulang (Bukti 3.4.3.3).

Sebagai langkah **penambahbaikan** berterusan bengkel, **seminar dan kursus** juga diadakan. Ini dapat dilihat dalam pengendalian Bengkel Pelaporan Pencapaian UiTMCK Sukuan Pertama dan Ketiga di mana pemilik dan pelaksana akan melaporkan tahap pencapaian PI mereka. Bagi prestasi pencapaian tidak memberangsangkan, pihak pengurusan telah mengambil langkah untuk membantu usaha pencapaian. Hasilnya, sebagai contoh, **12 PI** dibawah Jabatan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) UiTMCK yang berkait dengan bidang tumpuan AKNC 2024 berjaya mencapai sasaran **100%** (Bukti 3.4.3.4). **Pembangunan Sistem i-Strategik** dan UiTM Strategic Management System (UiSMS) bagi tujuan pemantauan dan penambahbaikan juga memastikan proses berkaitan berjalan lancar dan tersusun (Bukti 3.4.3.5)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20251\\_Bukti 3.4.3.1.pdf](#)
2. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20252\\_Bukti 3.4.3.2.pdf](#)
3. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20253\\_Bukti 3.4.3.3.pdf](#)
4. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20254\\_Bukti 3.4.3.4.pdf](#)
5. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20255\\_Bukti 3.4.3.5.pdf](#)

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bertemakan “**Championing Datapreneurship, Empowering Community**” UiTMCK berusaha menjadi sebuah institusi yang dekat dan relevan kepada pelanggan, pemegang taruh dan masyarakat secara umumnya. Selari dengan bidang tumpuan tahun 2024 iaitu "Jaringan Alumni, Komuniti & Kesukarelawan" pembudayaan perkhidmatan cemerlang diteruskan melalui pelbagai inisiatif dan aktiviti.

Bermula tahun 2018, Fakulti Perakaunan UiTMCK dengan kerjasama pihak Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) bekerjasama untuk mengadakan satu Kursus Pengurusan Kewangan Masjid bagi seluruh negeri Kelantan (2018 -2024) dan seterusnya menandatangani sebuah “Memorandum of Agreement (MOA)” bagi Program Pengauditan Masjid mulai 2024 (Bukti 3.5.1). **Projek berimpak tinggi** ini merupakan manifestasi tindakan berterusan dan penambahbaikan diamalkan. Hasil **inovasi** projek ini seperti **Sistem Perekodan Kewangan Masjid <https://spmac.com/> dan Manual Pengurusan Kewangan Masjid** telah **diintegrasikan** ke seluruh negeri Kelantan. Antara impaknya dapat menyumbang secara langsung kepada peningkatan tadbir urus institusi agama di Kelantan. Projek ini juga malahan diintegrasikan di peringkat **antarabangsa** (Program kolaborasi bersama Universitas Pembangunan Nasional Veteran Jakarta (UPNVJ), Indonesia).

**Pembudayaan** pemindahan ilmu kepada masyarakat diteruskan melalui program seperti **Program Pemerkasaan & Kelestarian Ekonomi Golongan OKU Wanita Menggunakan Kaedah I-Akuaponik** hasil kerjasama antara Yayasan Hasanah, Universiti Teknologi MARA (UiTM), UUM dan IKHTIAR IHSAN CARE. Ia bertujuan untuk membantu wanita OKU di Machang dan Pasir Puteh, Kelantan melalui aktiviti akuaponik bagi menjana pendapatan, meningkatkan keyakinan diri dan kesejahteraan hidup (Bukti 3.5.2). Seterusnya, **Program Penjana Pendapatan Melalui Keusahawanan Digital Di Kalangan Peserta Miskin Tegar di Kelantan 2024 (Digital Marketing Empowerment - DiME2024)** yang bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan pendapatan peserta tetapi juga membina komuniti yang lebih berdaya tahan dan berdaya saing (Bukti 3.5.3).

Selain itu, mereka yang tersasar dari masyarakat seperti penghuni Pusat Pemulihan Akhlak Machang, Kelantan juga tidak dilupakan melalui penganjuran **Program Fitrah Suci**. Program ini menggunakan kepakaran pensyarah-pensyarah dari Akademi Pengajian Islam & Kontemporari UiTMCK dalam memberi ilmu dan kesedaran kepada para penghuni.

Dalam aspek **kesukarelawan**, pelajar UiTMCK sudah tidak asing dikalangan masyarakat negeri Kelantan khususnya. Hasil didikan berterusan meletakkan pelanggan di hadapan, pelajar UiTMCK terlibat dalam pelbagai program berkaitan bidang tumpuan. Antara program tersebut merupakan **Program Math Olympiad: Left-Brain Booster, Jelajah Matematik: Awesome Math dan SCICO School Attack: C++ Prodigies** yang dijalankan di sekolah-sekolah negeri Kelantan. Dalam menghadapi **bencana banjir** saban tahun yang melanda, **sukarelawan** dari UiTMCK sentiasa siap siaga menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan (Bukti 3.5.4).

**Penyelesaian masalah dan penambahbaikan kualiti kehidupan** juga merupakan aspek penting diberi kepada pelanggan UiTMCK. Ini dapat dicapai melalui **projek-projek inovasi yang berteraskan bidang tumpuan**. **Projek Sistem Ramalan Awal Wabak Denggi Pintar Bersepadu (IIDEW)** contohnya dengan dana sebanyak RM 223,800.00 membangunkan sistem ramalan awal wabak denggi menggunakan teknologi IoT dan peranti sensor iklim masa nyata. Sistem ini membolehkan ramalan wabak secara hampir masa nyata, seterusnya menyokong intervensi kesihatan awam yang lebih pantas dan berkesan. Selain itu, pembangunan teknologi **MYCYBERGUARD App** mengenal pasti kaedah mitigasi jenayah siber dalam kalangan warga rentan serta membangunkan prototaip aplikasi mudah alih mitigasi jenayah siber. Projek ini merupakan kerjasama antara UiTMCK, Islamic Economics Research and Innovation Fund (IERIF) dan PDRM dengan dana sebanyak RM311,526 (Bukti 3.5.5).

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_T01\\_TB05\\_20251\\_Bukti 3.5.1.pdf](#)
2. [K0058\\_T01\\_TB05\\_20252\\_Bukti 3.5.2.pdf](#)
3. [K0058\\_T01\\_TB05\\_20253\\_Bukti 3.5.3.pdf](#)
4. [K0058\\_T01\\_TB05\\_20254\\_Bukti 3.5.4.pdf](#)
5. [K0058\\_T01\\_TB05\\_20255\\_Bukti 3.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) pada tahun 2024 telah melaksanakan pengurusan berasaskan bukti dengan menekankan pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan dalam semua inisiatif University Social Responsibility (USR), Knowledge Transfer Programme (KTP), jaringan industri dan alumni. Kaedah pengukuran dipacu oleh Petunjuk Prestasi (PI) yang ditetapkan Unit ICAN, menggunakan pendekatan Plan-Do-Check-Act (PDCA) serta kaedah triangulasi data (laporan kewangan, sistem MyAlumni, rekod MoU/MoA, penilaian impak OTS, laporan program). **Validasi dilakukan melalui semakan silang dengan Bahagian Perancangan Strategik dan audit dalaman universiti.** Hasil pengukuran menunjukkan prestasi 2024 amat memberangsangkan. Sebanyak 11 daripada 12 PI mencapai melebihi 100% sasaran. Antara pencapaian tertinggi ialah PI079 (23 komuniti menerima manfaat berbanding sasaran 1, iaitu 2300%), PI073 (5 MoA tempatan, 500%), PI019 (233 alumni menjadi usahawan, 228%), serta PI074 (8 aktiviti antarabangsa, 200%). Dari aspek kewangan, dana luar yang diperoleh (PI077) ialah RM143,885.09 iaitu 128% daripada sasaran, manakala alumni mendaftar MyAlumni Virtual Card (PI138) mencapai 5,284 orang (114%).

Walaupun PI078 (perbelanjaan dalaman) hanya 9.7% daripada sasaran, **analisa menunjukkan keberkesanan strategi penjimatan dan leverage dana luar sebagai kekuatan** (Bukti 4.1.1: Laporan AKRK Bahagian PJIMA 2025). Analisa trend berbanding tahun 2023 turut membuktikan peningkatan konsisten. Tahun 2024 menyaksikan 12 PI dipantau berbanding 10 pada tahun sebelumnya, namun kadar pencapaian kekal tinggi. Ini menunjukkan pengetahuan yang diperoleh daripada program terdahulu telah digunakan untuk memperbaiki perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Contohnya, pemantauan OTS dalam DIME 2024 Digital Marketing Empowerment memberi maklum balas berstruktur untuk meningkatkan keberkesanan modul latihan keusahawanan digital. Pengurusan pengetahuan turut diperkukuh melalui pelbagai platform.

Di peringkat tempatan, kolaborasi bersama MASIC dan MAIK menghasilkan kursus kewangan masjid (2018–2024) serta dokumen Lol berkaitan manual, dasar dan tatacara kewangan masjid yang akan diterbitkan dalam Journal of Masjid Studies (JMS). Di peringkat komuniti, Hasanah Special Grant 2024 menyokong pemberdayaan ekonomi OKU wanita bersama rakan akademik (UiTM, UM, IIUM, UniSZA, UniMAP). Sementara itu, Fintech Siri 1/2024 bersama UMK memperkukuh kolaborasi universiti–masjid–masyarakat, manakala Tourism Geopark Forum bersama UNESCO Malaysia memberi impak komunikasi strategik hingga ke peringkat kebangsaan. Dari segi pengurusan pengetahuan antarabangsa, UiTMCK menandatangani MoU dengan rakan strategik Indonesia melalui program Bengkel Mini Print (Bandung), Komuniti Pondok Tahfizul Qur'an Shoh–Medan, dan Program Usahawan Wanita Indo Kecil (Sumatera Utara). Semua maklumat hasil program didokumenkan, dianalisis dan dijadikan asas penambahbaikan bagi aktiviti akademik, industri dan komuniti pada masa hadapan. Akhirnya, melalui pengukuran berasaskan KPI, analisa berfakta dan pengurusan pengetahuan yang sistematik, UiTMCK bukan sahaja berjaya melepasi sasaran prestasi 2024 tetapi juga **memperkukuh budaya organisasi berasaskan data (evidence-based management)**. Pencapaian ini menjadi asas kukuh ke arah membina UiTMCK sebagai pusat rujukan pembangunan komuniti, industri dan alumni yang mampan di peringkat nasional dan antarabangsa (Bukti 4.1.2).

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Usaha memperkukuh jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan di Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan (UiTMCK) dilaksanakan secara berterusan dan strategik, selaras dengan aspirasi kampus melalui slogan “*Championing Datapreneurship, Empowering Community*” (Bukti 4.2.1). Pendekatan ini bukan sahaja bertujuan memenuhi Petunjuk Prestasi (KPI) yang digariskan oleh kampus induk, malah berfungsi sebagai platform penting untuk meningkatkan keterlihatan UiTMCK di peringkat nasional serta memberi manfaat langsung kepada komuniti setempat.

**Setiap program yang dianjurkan dirancang berpandukan *Performance Indicator (PI)*** yang dipetakan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN). Perancangan sebegini memastikan keselarasan usaha di peringkat cawangan dengan hala tuju universiti. Penglibatan tidak hanya tertumpu kepada unit tertentu, tetapi merangkumi keseluruhan warga kampus – fakulti, pentadbiran dan mahasiswa. Bagi menjamin keberkesanan, setiap program diwajibkan merujuk senarai semak dokumen yang telah ditetapkan (Bukti 4.2.2).

Melalui pendekatan bersepadu ini, sebanyak **38 projek** berjaya didaftarkan di Sistem PRIME dan memperoleh penarafan sekurang-kurangnya dua bintang (Bukti 4.2.3). Kejayaan ini membuktikan keberkesanan sistem sokongan dan kolaborasi yang mantap antara warga kampus.

Dari segi pemantauan, **pengumpulan data dibuat selepas setiap program**, manakala analisis pencapaian dilakukan secara suku tahunan oleh Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (PJIA). Laporan berstruktur ini kemudian dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan dan tahap pencapaian PI kampus (Bukti 4.2.4). Kejayaan penganjuran program turut disokong oleh pelantikan penyelarass mengikut bidang (alumni, komuniti, industri) di bawah PJIA, yang memastikan semua projek diurus secara lebih fokus dan profesional.

Selain itu, **setiap kertas kerja program perlu dihantar melalui sistem KW3P mengikut garis panduan yang telah ditetapkan**. Proses ini bukan sahaja memastikan pematuhan standard, malah menjamin justifikasi dana yang jelas serta memberi nilai tambah terhadap pencapaian PI. Penilaian yang dibuat juga mengambil kira impak jangka panjang program, bukan hanya kuantiti penganjuran. Hasilnya, UiTMCK telah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan atas komitmen memperkukuh jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan (Bukti 4.2.5).

Kesimpulannya, kejayaan UiTMCK dalam memacu agenda alumni, komuniti dan kesukarelawan adalah berasaskan metodologi sistematik, pengurusan terancang serta sokongan data berasaskan bukti. Usaha ini membuktikan bahawa UiTMCK bukan sekadar mencapai KPI yang ditetapkan, tetapi turut memperkukuh identitinya sebagai sebuah institusi yang berperanan memberi manfaat berterusan kepada masyarakat dan seterusnya memperkasakan reputasi universiti di pelbagai peringkat.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_A01\\_AB02\\_20251\\_Bukti 4.2.1 - Tangkap Layar Laman Web Rasmi UiTMCK.pdf](#)
2. [K0058\\_A01\\_AB02\\_20252\\_Bukti 4.2.2 - Senarai Semak Dokumen.pdf](#)
3. [K0058\\_A01\\_AB02\\_20253\\_Bukti 4.2.3 - Senarai Projek Dengan Penarafan Bintang.pdf](#)
4. [K0058\\_A01\\_AB02\\_20254\\_Bukti 4.2.4 - Slaid Laporan Bahagian PJIA Suku Tahun 2024.pdf](#)
5. [K0058\\_A01\\_AB02\\_20255\\_Bukti 4.2.5 - Senarai Anugerah Metic 2024.pdf](#)

### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) memberi penekanan kepada usaha pencapaian OS dan keberhasilan projek JAKK melalui pendekatan yang telah dirangka. Kaedah peluasan maklumat secara sistematik dilaksanakan bagi memastikan perancangan, inisiatif, serta kejayaan projek JAKK dapat dimanfaatkan oleh seluruh warga UiTMCK dan pihak berkepentingan. Dengan kerjasama PSTU UiTMCK, penurunan Petunjuk Prestasi (PI) kepada fakulti, jabatan, dan kampus dilakukan secara menyeluruh bagi **memastikan perancangan di setiap peringkat dapat dilaksanakan dengan baik** (Bukti 4.3.1).

**Penyebaran maklumat dilaksanakan melalui pelbagai program utama** seperti Amanat Rektor, Majlis Hari Inovasi, 365 Pentadbiran Rektor, Minggu Destini Siswa, Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Akademik. Selain itu, peluasan maklumat turut digerakkan melalui Festival REIACt Day 2024 yang berjaya menarik penyertaan pelbagai pihak melalui aktiviti inovatif dan kolaboratif (Bukti 4.3.2).

**Pelaksanaan Unit ICAN (Industrial, Community, Alumni & Network) pula memberi tumpuan kepada pencapaian 12 Penanda Aras Indikator (PI)** yang menyokong pembangunan industri, komuniti, alumni, dan rangkaian. Dari segi pembangunan komuniti, pelbagai program khidmat masyarakat dilaksanakan dengan melibatkan pelajar, staf akademik dan komuniti setempat (Bukti 4.2.3). Contoh inisiatif termasuk kerjasama perundingan bersama Maahad Tahfiz Sains Bustanul Arifin, Bengkel Seni Cetak Mini dengan Sekolah Dasar Darul Hikam, serta program bahasa Arab dan hala tuju ke menara gading (Bukti 4.3.3). Program-program ini bukan sahaja memberi impak positif kepada komuniti, malah memperkukuhkan hubungan universiti dengan masyarakat sekitar.

**Penglibatan alumni turut diperkasakan** melalui aktiviti seperti Count on Success (COS) 2.0: Grooming Future Accounting yang memberi manfaat kepada pelajar dan alumni. Selain itu, alumni UiTMCK juga memberi sumbangan kepada Tabung Amanah Alumni UiTMCK Prihatin, termasuk bantuan pembayaran yuran penginapan kolej pelajar. Usaha ini menunjukkan peranan alumni yang aktif dalam meningkatkan kebajikan pelajar dan memperkukuhkan jaringan dengan institusi.

Dari segi pembangunan rangkaian, **UiTMCK memperluas hubungan hingga ke peringkat antarabangsa melalui program**, webinar, persidangan, lawatan akademik, serta majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU). Antara inisiatif penting ialah MoU bersama Pondok Tahfizul Quran Shah Amin, Universitas Muslim Nusantara Al-Washliyah (UMNAW), dan Himpunan Pengusaha Pribumi Indonesia (HiPPI) (4.3.4). Kolaborasi ini membuka lebih banyak peluang untuk pengukuhan akademik, penyelidikan, serta jaringan kerjasama strategik di luar negara.

Pencapaian UiTMCK turut dipantau melalui **analisis jadual dan carta garis untuk menilai prestasi semasa**. Pembentangan KPI oleh Ketua atau wakil PTJ kepada pihak pengurusan dilaksanakan secara suku tahunan. Hasilnya, UiTMCK menerima pengiktirafan melalui Anugerah Penarafan Bintang sebagai tempat pertama dan Anugerah Projek Komuniti (Penyelidikan/Inovasi) di tempat ketiga (Bukti 4.3.5).

Keseluruhannya, inisiatif yang dijalankan membuktikan bahawa alumni UiTMCK sangat aktif dalam menyumbang kepada kesejahteraan pelajar dan komuniti. Usaha peluasan melalui Unit ICAN juga membantu meningkatkan daya saing UiTMCK serta memberi impak lebih besar terhadap pembangunan kerjaya, jaringan industri, dan kesejahteraan masyarakat.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_A01\\_AB03\\_20251\\_BUKTI 4.3.1.pdf](#)

2. [K0058\\_A01\\_AB03\\_20252\\_BUKTI 4.3.2.pdf](#)
3. [K0058\\_A01\\_AB03\\_20253\\_BUKTI 4.3.3.pdf](#)
4. [K0058\\_A01\\_AB03\\_20254\\_BUKTI 4.3.4.pdf](#)
5. [K0058\\_A01\\_AB03\\_20255\\_BUKTI 4.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

UiTM Kelantan (UiTMCK) amat menekankan aspek pemantauan dalam memastikan setiap program berkaitan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan dilaksanakan secara berkualiti serta berimpak tinggi. Setiap unit atau bahagian yang menganjurkan program diwajibkan menyediakan laporan pasca program berdasarkan templat rasmi yang diselaraskan (Bukti 4.4.1.1). Pendekatan ini **memastikan konsistensi, ketelusan dan keberkesanan** pelaporan bagi tujuan pemantauan serta penambahbaikan berterusan.

Selaras dengan agenda Globally Renowned University (GRU) 2025 melalui Tema Strategik 5: Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni, pemantauan pencapaian program dijalankan secara berkala. Unit ICAN di bawah Pejabat PJIA bertanggungjawab memastikan kesemua program yang dianjurkan **memenuhi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) berkaitan alumni, komuniti dan kesukarelawanan**. Pemantauan KPI ini dijalankan dua kali setahun oleh Unit Strategik dan Transformasi dalam Mesyuarat Pemantauan Pencapaian (Bukti 4.4.1.2).

Selain itu, pemantauan lebih khusus turut dilakukan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN) sebanyak empat kali setahun, yang memberi fokus terhadap pencapaian KPI jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan (Bukti 4.4.1.3). Komitmen berterusan ini diperkukuhkan melalui Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), yang berlangsung empat kali setahun dengan penglibatan ketua-ketua unit. Dalam mesyuarat ini, sebarang **kelemahan pencapaian KPI dikenal pasti**, manakala langkah penambahbaikan dicadangkan dan dipantau pelaksanaannya (Bukti 4.4.1.4).

Keberhasilan proses pemantauan ini terbukti melalui penglibatan aktif alumni dalam program anjuran UiTMCK, yang mencerminkan kesepaduan usaha universiti dalam membina jaringan strategik (Bukti 4.4.1.5). Selain itu, kejayaan alumni UiTMCK yang kini menjadi usahawan, pemimpin masyarakat dan profesional di syarikat terkemuka menjadi manifestasi kepada **keberkesanan pemantauan berterusan terhadap inisiatif jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan**.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20251\\_K0058\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20251\\_UiTMCK BUKTI 4.4.1 \(1\) : Laporan Pasca Program.pdf.pdf](#)
2. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20252\\_UiTMCK BUKTI 4.4.1 \(2\) Mesyuarat Pemantauan Pencapaian.pdf](#)
3. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20253\\_UiTMCK BUKTI 4.4.1 \(3\) MESYUARAT JAWATANKUASA JARINGAN NEGERI \(JKJN\) 2024.pdf](#)
4. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20254\\_K0058\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20254\\_UiTMCK BUKTI 4.4.1 \(4\) Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan\(MKSP\).pdf](#)
5. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20255\\_K0058\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20255\\_UiTMCK BUKTI 4.4.1 \(5\) PENGLIBATAN AKTIF ALUMNI DALAM PROGRAM ANJURAN UiTMCK.pdf.pdf](#)

#### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTM Kelantan (UiTMCK) **memberi penekanan yang tinggi terhadap pengenalpastian risiko dalam penganjuran program jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan.**

Langkah ini dilaksanakan bagi memastikan setiap aktiviti yang dijalankan mencapai objektif, memberi impak positif, dan tidak menjejaskan reputasi institusi. Proses pengenalpastian risiko dilaksanakan sejak peringkat perancangan sehingga selepas program selesai, dengan memberi fokus kepada aspek keselamatan peserta, pengurusan sumber, pematuhan dasar universiti serta keberkesanan penyampaian. UiTMCK menggunakan Borang Penilaian Risiko Aktiviti/Program PTJ UiTM (Bukti 4.4.2.1) untuk mengenalpasti risiko sebelum program berlangsung.

Bagi memastikan ketelusan, **setiap program diwajibkan menyediakan laporan penilaian risiko yang mengandungi analisis potensi cabaran, kebarangkalian berlakunya isu serta strategi mitigasi yang dilaksanakan.** Proses ini dilengkapi dengan pengukuran impak sebelum program, yang membolehkan pihak penganjur mengenal pasti kekuatan dan kelemahan bagi tujuan penambahbaikan berterusan dengan mengisi jadual penilaian risiko (Bukti 4.4.2.2). Pendekatan ini memastikan setiap program yang dianjurkan kekal relevan, berkesan, serta menyumbang secara langsung kepada agenda strategik universiti dalam memperkukuh jaringan dengan alumni, komuniti dan masyarakat sivil.

Selain itu, UiTMCK turut **menggunakan instrumen khusus** seperti borang penilaian risiko penceramah, soal selidik kepuasan peserta, serta laporan penilaian fasilitator untuk mengenal pasti potensi isu yang boleh menjejaskan perjalanan program (Bukti 4.4.2.3). Mekanisme ini penting bagi memastikan semua pihak yang terlibat, termasuk penceramah jemputan, sukarelawan, alumni dan komuniti setempat, mematuhi garis panduan universiti serta mengekalkan imej positif institusi (Bukti 4.4.2.4).

Pendekatan sistematik dalam mengenal pasti risiko ini bukan sahaja **mengurangkan kemungkinan berlakunya kegagalan program**, malah memperkukuhkan keyakinan alumni, komuniti dan rakan strategik terhadap komitmen UiTMCK dalam melaksanakan program yang berkualiti, selamat dan memberi impak positif kepada masyarakat.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20251\\_UiTMCK BUKTI 4.4.2 \(1\) BORANG PENILAIAN RISIKO AKTIVITI PROGRAM PTJ UiTM.pdf](#)
2. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20252\\_UiTMCK BUKTI 4.4.2 \(2\) JADUAL PENILAIAN RISIKO.pdf](#)
3. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20253\\_K0058\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20253\\_UiTMCK BUKTI 4.4.2 \(3\) Borang Penilaian Penceramah Luar UiTM.pdf.pdf](#)
4. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20254\\_UiTMCK BUKTI 4.4.2 \(4\) Kandungan Borang Penilaian Program.pdf](#)
5. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20255\\_UiTMCK BUKTI 4.4.2 \(5\) Penghargaan Kepada Alumni.pdf](#)

#### 4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTM Kelantan (UiTMCK) sentiasa memastikan setiap program yang dijalankan dalam kerangka jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan melalui proses kajian semula yang sistematik serta penambahbaikan berterusan. Proses ini bertujuan **memastikan keberkesanan pelaksanaan program, mengurangkan kelemahan yang dikenalpasti, dan meningkatkan impak positif kepada peserta serta komuniti sasaran.**

Sebagai sebahagian daripada mekanisme rasmi, UiTMCK menggunakan **tiga (3) Borang Penilaian Risiko** iaitu Borang A (Bukti 4.4.3.1) yang membahagikan penilaian risiko kepada enam kategori utama iaitu risiko strategik, operasi, reputasi, perundangan, kewangan dan projek, Borang B [UiTMCK Bukti 4.4.3 (2)] dan Borang C (Bukti 4.4.3.3). Borang ini bukan sahaja berfungsi sebagai dokumen rujukan risiko tetapi juga menjadi asas kepada tindakan penambahbaikan yang lebih terarah.

Setelah diisi oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ), **borang-borang ini akan dihantar kepada Unit Pengurusan Risiko (UPR) untuk disemak.** Proses semakan merangkumi verifikasi ketepatan analisis risiko dan kesesuaian cadangan mitigasi. Sekiranya terdapat kekurangan, borang akan dipulangkan semula kepada PTJ untuk dibaiki dan dihantar semula. Borang yang telah disemak kemudiannya dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (TNC) yang berkaitan untuk mendapatkan ulasan, arahan tambahan dan kelulusan akhir (Bukti 4.4.3.4).

Melalui proses berulang ini, UiTMCK **dapat memastikan setiap program yang berkait dengan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan mematuhi standard universiti,** mengekalkan integriti, serta memperkukuhkan kepercayaan pihak berkepentingan menerusi borang penilaian risiko projek penjana pendapatan universiti teknologi mara (Bukti 4.4.3.5). Kajian semula yang dilaksanakan secara konsisten ini turut membolehkan universiti mengenal pasti pola kelemahan yang berulang, serta merangka strategi penambahbaikan yang lebih komprehensif pada peringkat perancangan, pelaksanaan dan susulan program.

Secara keseluruhannya, pendekatan ini menegaskan komitmen UiTMCK dalam menginstitusikan budaya penambahbaikan berterusan, sekali gus memperkukuhkan kedudukan universiti sebagai peneraju dalam menghubungkan alumni, komuniti dan masyarakat melalui aktiviti kesukarelawanan yang berkualiti dan berimpak tinggi.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20251\\_UiTMCK BUKTI 4.4.3 \(1\) BORANG PENILAIAN RISIKO AKTIVITI PROGRAM PTJ UiTM.pdf](#)
2. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20252\\_UiTMCK BUKTI 4.4.3 \(2\) JADUAL IMPAK DAN RISIKO.pdf](#)
3. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20253\\_UiTMCK BUKTI 4.4.3 \(3\)BORANG PENILAIAN RISIKO UNTUK KERTAS KERJA.pdf](#)
4. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20254\\_UiTMCK BUKTI 4.4.3 \(4\) CARTA ALIR PROSES PENILAIAN RISIKO AKTIVITIPROGRAM PTJ UiTM-1.pdf](#)
5. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20255\\_UiTMCK BUKTI 4.4.3 \(5\) BORANG PENILAIAN RISIKO PROJEK PENJANAAN PENDAPATAN.pdf](#)

#### 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) telah mencapai tahap integrasi kukuh hasil daripada keberkesanan tindakan di bawah bidang tumpuan jaringan industri, komuniti dan alumni (ICAN). **Integrasi ini bukan sahaja berfokus pada pelaksanaan program, tetapi juga membentuk pembudayaan berterusan yang menghubungkan universiti dengan masyarakat, industri, agensi kerajaan dan rakan antarabangsa.** Pembudayaan kerja ini amat bergantung pada perkongsian maklumat yang jelas, telus dan efisien sebagai usaha menambah baik prestasi organisasi. Oleh itu, proses penyampaian maklumat yang sahih sentiasa dititikberatkan bagi memastikan keberkesanan penyebaran kepada warga universiti dan pihak luar (Bukti 4.5.5 - Medium Penyampaian Maklumat UiTMCK).

Sebagai sebuah organisasi dinamik, UiTMCK mengukur pencapaian prestasi melalui **penambahbaikan berterusan yang diilhamkan daripada cabaran semasa.** Beberapa inovasi dilaksanakan, antaranya penglibatan staf dalam program khidmat masyarakat dan kesukarelawanan yang meningkatkan pengalaman, pengetahuan, dan kepakaran melalui Knowledge Transfer Program (KTP) (Bukti 4.5.2 - Senarai Projek KTP Berdaftar di UiTMCK).

Pertama, integrasi bersama alumni memperlihatkan pencapaian signifikan. Sebanyak 233 alumni berjaya menjadi usahawan (228% pencapaian) dan 5,284 berdaftar dalam MyAlumni UiTM Virtual Card (114%). Hubungan ini kini menjadi budaya berterusan yang menyokong ekosistem keusahawanan, jaringan profesional dan penjana dana. Penganjuran Festival REAICt Day 2024 serta Majlis Makan Malam Alumni yang menjana RM37,500 membuktikan **keberkesanan strategi “alumni engagement” yang dilaksanakan secara konsisten.**

Kedua, integrasi bersama industri tempatan dan antarabangsa membudayakan kerjasama strategik. **UiTMCK menandatangani tujuh MoU/MoA antarabangsa dan lima MoA tempatan pada 2024,** mencapai 500% melebihi sasaran. Program kolaborasi seperti Fintech Siri 1/2024 bersama UMK, DIME 2024 Digital Marketing Empowerment, dan Tourism Geopark Forum bersama UNESCO Malaysia menunjukkan impak dalam inovasi digital, kewangan sosial, dan pembangunan komuniti. Kerjasama ini menandakan integrasi sebagai norma, bukan sekadar intervensi jangka pendek (Bukti 4.5.3).

Ketiga, integrasi bersama komuniti **mengukuhkan budaya tanggungjawab sosial universiti.** Sebanyak 38 program USR (131%) dan 23 komuniti penerima manfaat (2300%) berjaya dilaksanakan. Antara program utama ialah Pemerkasaan Ekonomi OKU Wanita Kelantan (Hasanah Special Grant), kursus kewangan masjid bersama MAIK dan MASIC (2018–2024), serta bengkel antarabangsa bersama komuniti di Bandung dan Medan. Program ini membuktikan kepakaran universiti mampu diterjemahkan kepada impak sosial dan ekonomi setempat serta antarabangsa.

Keempat, **integrasi dalam aspek pengurusan pengetahuan diperkukuh melalui penerbitan dokumen rasmi,** garis panduan dan bakal penerbitan jurnal. Contohnya, dokumen Lol berkaitan manual kewangan masjid serta dasar pengurusan kewangan memperlihatkan bagaimana hasil penyelidikan diinstitusikan untuk kegunaan masyarakat.

Tahap pembudayaan ini dapat **dirumuskan sebagai “integrasi sistemik”**, di mana strategi UiTMCK dalam bidang alumni, industri dan komuniti telah menjadi sebahagian budaya organisasi yang konsisten, merentas fakulti, unit dan tahun pelaksanaan. Keberkesanan ini bukan sahaja menghubungkan pelbagai pihak berkepentingan, tetapi turut memastikan hasilnya diukur, dianalisis dan digunakan untuk penambahbaikan berterusan (Bukti 4.5.4 - Procedure Community Engagement).

Kesimpulannya, UiTMCK berjaya membentuk ekosistem bersepadu berasaskan hubungan strategik, perkongsian pengetahuan dan impak lestari. UiTMCK kini bukan sahaja pusat pendidikan, tetapi juga pemangkin perubahan sosial, ekonomi dan industri di peringkat tempatan, nasional dan antarabangsa (Bukti 4.5.5- Medium Hebahan UiTMCK).

## **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_A01\\_AB05\\_20252\\_Bukti 4.5.2 -Senarai Projek KTP Berdaftar di bawah UiTMCK.pdf](#)
2. [K0058\\_A01\\_AB05\\_20252\\_Bukti 4.5.2 -Senarai Projek KTP Berdaftar di bawah UiTMCK.pdf](#)
3. [K0058\\_A01\\_AB05\\_20253\\_Bukti 4.5.3 - Anugerah Projek Komuniti Penyelidikan. Inovasi.pdf](#)
4. [K0058\\_A01\\_AB05\\_20254\\_Bukti 4.5.4 - Procedure Community Engagement.pdf](#)
5. [K0058\\_A01\\_AB05\\_20255\\_UiTMCK BUKTI 4.5.5 Medium Hebahan UiTMCK.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) menekankan **pengurusan sumber manusia berlandaskan peraturan, digerakkan melalui strategi penambahbaikan berterusan berasaskan nilai ESI dan iDART**. Budaya PERDANA diinstitusikan sebagai teras pembentukan warga kerja cemerlang, berintegriti dan profesional. Di bawah pimpinan Rektor dan barisan pengurusan kanan, UiTMCK menggerakkan kekuatan 677 staf tetap iaitu 353 staf akademik dan 324 staf bukan akademik bagi menyokong visi serta misi universiti.

Perancangan strategik memberi fokus kepada **tiga aspek utama** iaitu (i) Pengurusan pengambilan dan penempatan sumber manusia secara strategik semua bahagian/unit di UiTMCK; (ii) Pembangunan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan melalui pengukuhan ICAN dan MASMED di bawah BPJIM&A, yang memberi impak positif kepada masyarakat serta industri; dan (iii) Pemerksaan kompetensi staf melalui latihan, program pembangunan kerjaya serta pelan penggantian (*succession plan*) bagi menjamin kesinambungan kepimpinan dan kelestarian organisasi.

UiTMCK **menyelaraskan pendekatannya dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)**. Pendekatan ini turut disepadukan dengan 6 Teras **Malaysia MADANI** iaitu M (keMampanan), A (kesejAhteraan), D (Daya cipta), A (hormAT), N (keyakiNan) dan I (Ihsan), serta berpandukan Amanat Naib Canselor UiTM 2024 sebagai garis strategik utama.

Pada tahun 2024, **UiTMCK memperkukuh hubungan alumni melalui perkongsian kepakaran dan pengalaman** yang memberi impak positif terhadap kecemerlangan pelajar. Antara program utama ialah *From IM to IM Theory vs Industrial Practical: Information Management* dan *Webinar Petronas BeDigital Bootcamp* dan *Art Camp: Fun With Doodle Art Bersama Alumni KPSK*. Hubungan ini diperkukuh dengan Majlis Makan Malam Alumni serta kerjasama industri melalui MoU/MoA bersama CelcomDigi, Al Ikhshan, Maybank dan Petronas.

Melalui **ICAN dan MASMED, UiTMCK melaksanakan pelbagai program komuniti dan keusahawanan** seperti *Kelas Live Tiktok Business*, *Kelas Minda Jutawan*, *Program DiME 2024*, *Program Pendidikan Sivik dan Kenegaraan Belia Kelantan* serta *Kursus Kepimpinan Pembimbing Rakan Sebaya Bestari Pasir Mas 2024*. Program ini meningkatkan ilmu, kemahiran dan kesejahteraan masyarakat.

UiTMCK turut memperkasakan kesukarelawan melalui *International Volunteering Programme Series 2: Let's Stand Together* bersama Universitas Sumatera Utara, Indonesia, serta *Empowering Community: Digital Marketing in Tumpat*. Inisiatif ini memberi nilai tambah kepada pelajar, komuniti dan industri dalam melahirkan graduan holistik serta bertanggungjawab sosial.

UiTMCK memantau keberkesanan perancangan melalui **penilaian prestasi staf berasaskan KPI, SKT dan LNPT**. Staf berprestasi tinggi diberi pengiktirafan melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Khas Rektor yang diraikan dalam Majlis Hari Inovasi. Pengiktirafan turut disebarikan melalui media rasmi bagi meningkatkan motivasi kerja. Selain itu, audit dalaman serta laporan pencapaian dibentangkan di peringkat pengurusan. UiTMCK juga memastikan pemantauan jam latihan minimum 42 jam setahun bagi semua staf. Pada tahun 2024, 750 latihan telah dijalankan yang merangkumi 294 latihan umum, 444 latihan khusus dan 12 berkompetensi teknologi (ICT).

Berdasarkan hasil pemantauan, UiTMCK melaksanakan penambahbaikan berterusan seperti memastikan **latihan yang sesuai dianjurkan mengikut keperluan semasa**. Selain itu, UiTMCK memperluas jaringan kolaborasi dengan industri, alumni dan komuniti melalui Memorandum Persefahaman (MoU) atau Perjanjian Persefahaman (MoA). Bagi meningkatkan budaya kerja terbaik, UiTMCK menganjurkan program berbentuk sukan dan rekreasi.



## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan pengurusan sumber manusia UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) berasaskan falsafah bahawa modal insan adalah pemacu utama kecemerlangan organisasi. Sehubungan itu, kaedah pengurusan yang dilaksanakan merangkumi **pembangunan kompetensi staf, pemupukan budaya kerja berintegriti, serta pengiktirafan pencapaian** bagi memastikan keberkesanan bidang tumpuan pilihan iaitu pembangunan jaringan alumni, komuniti, kesukarelawan serta pemeraksanaan kompetensi staf.

UiTMCK menggalakkan penglibatan staf dalam aktiviti jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan melalui pengurusan yang berkesan. **ICAN dan MASMED berperanan sebagai pemacu inisiatif dengan menyelaras kepakaran staf** sebagai penggerak, penasihat, penyelidik dan konsultan. Barisan staf yang mencukupi telah dilantik dan adalah sesuai berdasarkan kemahiran dan kepakaran mereka untuk menyokong bidang tumpuan dengan lebih baik. (Bukti 5.2.1)

UiTMCK mengutamakan **pendekatan latihan berterusan** (*continuous learning*) bagi memastikan staf sentiasa relevan dengan keperluan semasa. **Latihan minimum 42 jam setahun** diwajibkan bagi setiap staf bagi memastikan kemampuan, kemahiran dan pengetahuan staf adalah setaraf dengan keperluan global. Objektif dasar pembangunan staf adalah menyediakan staf berkelayakan, berkebolehan serta berkemampuan dan membentuk nilai-nilai murni dan sikap positif. (Bukti 5.2.2)

Selain itu, **sistem pelan penggantian** (*succession planning*) dilaksanakan untuk melahirkan barisan pelapis kepimpinan yang mampu menyambung kesinambungan organisasi secara berstruktur. Melalui mesyuarat khas yang dikendalikan oleh JK Penggantian Bakat. (Bukti 5.2.2)

Pendekatan pengurusan ini turut menitikberatkan **keseimbangan antara kecemerlangan kerjaya dan kesejahteraan warga kerja**. Oleh itu, UiTMCK menyediakan program pembangunan kerjaya, bimbingan melalui kolaborasi bersama industri, alumni dan komuniti. Usaha ini bukan sahaja meningkatkan nilai diri staf, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan kemahiran mereka. (Bukti 5.2.3)

UiTMCK sentiasa **menyeimbangkan pencapaian kerjaya dengan kebajikan staf** melalui penganjuran aktiviti sukan, rekreasi dan kebersamaan yang menyemai semangat kerjasama, meningkatkan kesihatan fizikal serta kesejahteraan minda warga kerja. Pada tahun 2024, antara program yang dianjurkan BPJIM&A adalah seperti Program Brisk Walk PJIA 2.0 dan Kejohanan Karom Beregu REIACt Day UiTMCK 2024 (Bukti 5.2.3). Program-program ini membuktikan komitmen UiTMCK dalam memperkasa kesejahteraan staf selaras dengan aspirasi universiti.

Bagi memastikan motivasi dan semangat kerja yang tinggi, UiTMCK memberi **penghargaan** berasaskan pencapaian individu mahupun kumpulan. Bentuk **pengiktirafan** utama adalah melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Khas Rektor, yang diraikan secara rasmi dalam Majlis Kemuncak Hari Inovasi, Majlis Anugerah Kecemerlangan BPJIA 2024 dan Majlis Apresiasi & Sanjungan Budi BPJIA UiTMCK pada 23 Januari 2024. (Bukti 5.2.4)

Pencapaian staf turut diberi perhatian melalui **hebahan di media rasmi universiti** seperti laman web, emel rasmi dan media sosial, seterusnya meningkatkan nilai reputasi serta kebanggaan warga kerja. (Bukti 5.2.5) Selain itu, UiTMCK turut memberikan **geran dalaman sebagai insentif dan ganjaran** atas sumbangan dan usaha dalam bidang jaringan dan inovasi. (Bukti 5.2.5)

Melalui pendekatan yang sistematik ini, UiTMCK bukan sahaja menekankan pencapaian prestasi semata-mata, tetapi juga **menitikberatkan pembangunan potensi, kesejahteraan dan pengiktirafan staf**. Gabungan kaedah pengurusan strategik serta penghargaan yang menyeluruh diyakini dapat memperkukuh budaya kerja cemerlang.

## **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_S01\\_SB02\\_20251\\_5.2.1 CARTA FUNGSI DAN PERANAN BPJIM&A\\_UiTM\\_KELANTAN.pdf](#)
2. [K0058\\_S01\\_SB02\\_20252\\_5.2.2 BILANGAN LATIHAN DALAMAN DAN LUARAN KAMPUS MACHANG BAGI TAHUN 2024\\_UiTM KELANTAN.pdf](#)
3. [K0058\\_S01\\_SB02\\_20253\\_5.2.3 PEMBANGUNAN KERJAYA MELALUI KOLABORASI INDUSTRI GLOBAL\\_UiTM KELANTAN.pdf](#)
4. [K0058\\_S01\\_SB02\\_20254\\_5.2.4 PROGRAM PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN UMUM DAN KHAS BPJIM&A\\_UiTM KELANTAN-pages.pdf](#)
5. [K0058\\_S01\\_SB02\\_20255\\_5.2.5 HEBAHAN PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN\\_UiTM\\_KELANTAN.pdf](#)

### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMCK mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan bidang tumpuan yang dipilih iaitu JAK&K serta pemeraksanaan kompetensi staf. Pelaksanaan perluasan ini dirangka secara sistematik melalui penggembelangan tenaga akademik dan pentadbiran untuk memberi impak yang mampan kepada universiti, industri dan masyarakat.

UiTMCK turut **memperluas kepakaran sumber manusia melalui kolaborasi bersama alumni dan rakan industri**. Alumni dijemput berkongsi pengalaman kerjaya, menjadi mentor pelajar, serta terlibat dalam penganjuran seminar, forum dan program motivasi. BPJIM&A berperanan besar dalam mewujudkan hubungan erat dengan alumni bagi menyokong pembangunan institusi seperti (1) **Menggalakkan penyertaan alumni** dalam aktiviti akademik, keusahawanan, dan kebajikan; (2) **Merangka dan menganjurkan** program-program berbentuk jaringan industri, jalinan komuniti melalui program khidmat masyarakat University Social Responsibility (USR) dan juga program jalinan alumni; (3) Memastikan pencapaian bilangan alumni menjadi usahawan (PI019) memenuhi petunjuk prestasi universiti yang ditetapkan; (4) Merangka dan menjalankan program yang melibatkan perkongsian kepakaran alumni (PI080) di kalangan alumni-alumni universiti bagi membantu pencapaian petunjuk prestasi universiti; (5) Menjadi rujukan dan penasihat kepada para ketua projek dalam melaksanakan program-program yang berbentuk jaringan industri, komuniti dan alumni; dan (6) Merancang dan menyelaraskan program keusahawanan melibatkan pelajar dan alumni

Pelaksanaan yang telah dibuat adalah melibatkan **Program yang berbentuk jalinan alumni** seperti Fun Run, Hi Tea dan Gala dinner yang dapat mengumpulkan alumni (Bukti 5.3.1), Program sesi perkongsian dan pengalaman dari alumni berjaya (Bukti 5.3.2), dan (3) Menyediakan ruang jualan bagi alumni untuk berniaga (Bukti 5.3.2)

Jaringan industri dikukuhkan melalui **MoU/MoA dengan syarikat seperti CelcomDigi, Maybank, Al Iksan, dan Petronas**. Kerjasama ini memberi peluang kepada staf dan pelajar untuk mendapat latihan industri, menjalankan penyelidikan bersama, serta mengakses teknologi terkini. Industri juga terlibat sebagai penaja program, penyedia geran kolaboratif dan rakan strategik dalam inisiatif keusahawanan (Bukti 5.3.4). Pendekatan yang diambil oleh Unit ICAN untuk mencapai 12 PI adalah dengan memberi tumpuan kepada **pengukuhan hubungan dengan industri melalui latihan, penyelidikan dan peluang kerjaya**; melaksanakan program pembangunan komuniti yang memberi impak positif kepada masyarakat; memperkasakan penglibatan alumni melalui jaringan, aktiviti dan sumbangan; serta membangunkan rangkaian strategik melalui seminar, bengkel dan program bersama pelbagai pihak.

**Kepakaran staf turut diperluaskan melalui penglibatan dalam aktiviti perundingan** bersama agensi kerajaan, sekolah, dan pihak industri. Bidang pengkhususan seperti teknologi maklumat, keusahawanan, pengurusan rekod, dan pendidikan masyarakat dijadikan landasan untuk memberi khidmat nasihat dan meningkatkan keberadaan universiti di peringkat nasional. (Bukti 5.3.5)

UiTMCK melalui **MASMED dan ICAN menggerakkan staf untuk membangunkan inisiatif keusahawanan** serta memohon geran penyelidikan industri. Pada tahun 2024, Unit RMU telah memperolehi geran penyelidikan sebanyak RM1,016,384.00 bagi membantu aktiviti-aktiviti penyelidikan di kampus ini. (Bukti 5.3.5)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_S01\\_SB03\\_20251\\_5.3.1 PROGRAM BERSAMA ALUMNI\\_UiTM KELANTAN.pdf](#)
2. [K0058\\_S01\\_SB03\\_20252\\_5.3.2 AKTIVITI FAKULTI DAN BAHAGIAN PENGURUSAN BERSAMA ALUMNI, KOMUNITI, MASYARAKAT, DAN KESUKARELAWANAN\\_UiTM KELANTAN.pdf](#)

- 
3. [K0058\\_S01\\_SB03\\_20253\\_5.3.3 RUANG JUALAN UNTUK ALUMNI BERNIAGA UITM KELANTAN.pdf](#)
  4. [K0058\\_S01\\_SB03\\_20254\\_5.3.4 MOU MOA YANG MASIH AKTIF PADA TAHUN 2024 UITM KELANTAN.pdf](#)
  5. [K0058\\_S01\\_SB03\\_20255\\_5.3.5 PERUNDINGAN UITM KELANTAN.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memantau keterlibatan peserta dalam setiap program yang dianjurkan, peserta dan AJK program diminta untuk mengisi **borang penilaian sebelum dan selepas program**. Peserta juga diminta untuk menilai para penceramah yang dijemput bagi program tersebut. Peserta yang memberi sumbangan terbaik dalam bidang Jaringan Industri mendapat anugerah pada Festival ReACT Day 2024.(Bukti 5.4.1.1& 5.4.1.2.)

Di samping itu, bagi menilai **tahap kegembiraan staf**, Kajian Indeks Kegembiraan dilaksanakan dan perlu dibuat oleh setiap staf. Secara keseluruhannya, purata Indeks Kegembiraan UiTMCK (UHI5.0) dalam kedudukan yang baik dengan jumlah 74% manakala UHI6.0 berjumlah 76%.(Bukti 5.4.1.3)

Melalui setiap **soal selidik** yang dijalankan ini, maklum balas daripada peserta dan staf yang terlibat dapat dipantau, seterusnya dapat mengenal pasti risiko dan mengkaji semula tindakan bagi proses penambahbaikan. Maklumbalas dan cadangan yang dikemukakan oleh para peserta dan staf diambil maklum bagi memastikan UiTMCK memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua.

Pemantauan juga dibuat melalui **penyediaan PI tahunan** dan memantau jumlah KPI yang berjaya atau tidak berjaya dicapai. Pencapaian tertinggi PI ICAN 2024 adalah mewujudkan Mou dan MoA dengan industri antarabangsa dengan capaian sebanyak 120%.  
(Bukti 5.4.1.4. & 5.4.1.5)

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20251\\_5.4.1.1 ANUGERAH KECEMERLANGAN PJIA 2024 - BAHAGIAN UiTM KELANTAN.pdf](#)
2. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20252\\_5.4.1.2 ANUGERAH KECEMERLANGAN PJIA 2024 – INDIVIDU UiTM KELANTAN.pdf](#)
3. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20253\\_5.4.1.3 INDEKS KEGEMBIRAAN UiTMCK UiTM KELANTAN.pdf](#)
4. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20254\\_5.4.1.4 PENCAPAIAN PI UiTM KELANTAN.pdf](#)
5. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20255\\_5.4.1.5 MOU ANTARABANGSA UiTM KELANTAN.pdf](#)

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko pertama ialah **kurang penglibatan dalam kalangan Staf Akademik**. Penglibatan staf akademik agak rendah berbanding staf pentadbiran berikutan staf akademik perlu menumpukan kepada tugas hakiki iaitu Pengajaran & Pembelajaran (P&P). Berdasarkan analisa 2024, seramai 37 orang staf akademik yang kurang 42 jam latihan berbanding hanya 13 orang sahaja dalam kalangan staf pentadbiran yang kurang 42 jam latihan. (Bukti 5.4.2.1./5.4.2.2./5.4.2.3).

Risiko kedua ialah **kurang pendedahan berkenaan penganjuran program**. Pendekatan yang digunakan bagi mempromosikan dan mewar-warkan program adalah melalui e-mel rasmi UiTM. Namun begitu, terdapat ramai staf terlepas pandang peti masuk e-mel disebabkan oleh kesibukan tugas harian dan e-mel masuk terlalu banyak dalam satu hari. (Bukti 5.4.2.4)

Manakala Risiko ketiga ialah **bajet tidak mencukupi bagi menganjurkan program atau bengkel**. Bagi menambahbaik kemahiran dan kebolehan staf, UiTMCK perlu menganjurkan bengkel dan program-program seperti Training of Trainer (ToT). Namun, kekangan bajet menjadi perdebatan utama dalam menganjurkan program-program seperti ini. Kekangan bajet juga membuatkan staf tidak dapat membuat tuntutan-tuntutan yang berkaitan dengan menghadiri kursus dan akhirnya menjadikan staf tidak bersemangat untuk menghadiri kursus-kursus yang dijalankan. (Bukti 5.4.2.5)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20251\\_5.4.2.1 RISIKO KURANG PENGLIBATAN STAF\\_UiTM\\_KELANTAN.pdf](#)
2. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20252\\_5.4.2.2 LAPORAN STAF MENGHADIRI KURSUS\\_KURANG 42 JAM\\_UiTM\\_KELANTAN.pdf](#)
3. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20253\\_5.4.2.3 LAPORAN STAF TIDAK MENGHADIRI KURSUS\\_UiTM\\_KELANTAN.pdf](#)
4. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20254\\_5.4.2.4 LAPORAN MKSP OBJEKTIF KUALITI 2024\\_UiTM\\_KELANTAN.pdf](#)
5. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20255\\_5.4.2.5 PROGRAM LULUS TANPA BAJET\\_UiTM\\_KELANTAN.pdf](#)

### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

**Menambahbaik Risiko 1:** Menganjurkan program pada waktu cuti pertengahan semester atau mewujudkan satu minggu khas (Week Without Wall) bagi memberi laluan penganjuran program. Disamping itu, program juga boleh dianjurkan secara dalaman bagi memudahkan staf akademik untuk melibatkan diri dalam masa sama boleh juga memenuhi keperluan tugas hakiki P&P.

(Bukti 5.4.3.1)

**Menambahbaik Risiko 2:** Mewujudkan 'planner' sebagai medium permakluman awal kepada staf. Melalui 'planner' ini, staf boleh mendapatkan maklumat awal berkenaan program-program yang bakal dijalankan dan boleh merancang dengan lebih baik untuk kehadiran dan menyeimbangkan dengan tugas hakiki.

(Bukti 5.4.3.2)

**Menambahbaik Risiko 3:** Membina MoU dan MoA bersama industri dalam dan luar negara bagi memastikan 'win-win situation' di mana pihak industri boleh menyumbang dana manakala UiTMCK boleh memberi sumbangan dalam bentuk perkhidmatan.

(Bukti 5.4.3.3/5.4.3.4/5.4.3.5)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20251\\_5.4.3.1 PENGANJURAN LATIHAN SECARA ATAS TALIAN\\_UiTM KELANTAN.pdf](#)
2. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20252\\_5.4.3.2 LAPORAN PENCAPAIAN PENGURUSAN LATIHAN\\_UiTM KELANTAN.pdf](#)
3. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20253\\_5.4.3.3 MOU DAN MOA LUAR NEGARA\\_UiTM KELANTAN.pdf](#)
4. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20254\\_5.4.3.4 MOU DAN MOA LUAR NEGARA.pdf](#)
5. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20255\\_5.4.3.5 PENDANAAN\(SPONSORSHIP\)\\_UiTM KELANTAN.pdf](#)

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Antara integrasi pencapaian yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan bagi JAK&K pada tahun 2024 adalah seperti: (Bukti 5.5.1)

**Kejayaan sebagai pengarah program** dan penganjuran Festival REIACt Day 2024 pada 24 Ogos 2024 sehingga 30 Oktober 2024 yang melibatkan pelbagai aktiviti penyelidikan, komuniti, alumni dan keusahawanan dan Pengarah Program bagi Majlis Makan Malam Sempena Sambutan 25 Tahun UiTM SeMalaysia peringkat UiTMCK yang telah diadakan di Hotel Grand Riverview Kota Bharu Kelantan telah menjana pendapatan sejumlah RM 37,500.00. **Hasil kutipan Tabung Alumni Prihatin RM5** bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM2,368.39 untuk kampus Machang dan RM265.00 bagi kampus Kota Bharu (Bukti 5.5.2).

**Menjalinkan hubungan yang rapat dengan beberapa industri/NGO tempatan dan luar negara**, alumni UiTMCK serta masyarakat dalam dan luar negara. Penyumbang bahan dalam Buku Wajah - Wajah Citra Bitara Alumni UiTM SeMalaysia. Buku ini mengandungi profil 25 alumni berjaya yang diiktiraf bagi setiap cawangan UiTM dan Buku ini telah dilancarkan pada Sambutan Malam Gala sempena 25 tahun UiTM di UiTM Shah Alam (Bukti 5.5.5). Seramai 102 orang alumni telah berjaya menjadi usahawan. Seramai 6 orang alumni telah terlibat dalam Program Khidmat Kepakaran dan sebanyak 4,634 alumni telah mendaftar dalam MyAlumni UiTM Virtual Card.

Unit ICAN dibawah BPJIM&A di UiTMCK telah **berjaya mencapai 11 PI yang melebihi pencapaian 100% bagi tahun 2024**. Pada tahun 2024, seramai 102 alumni berjaya menjadi usahawan. Tetapi, pencapaian sebenar adalah 233 alumni, iaitu bersamaan 228% melepasi sasaran. Bagi tahun 2024, beberapa orang alumni telah berjaya menyumbang kepada kecemerlangan pengurusan dan pembangunan pelajar dan staf berjumlah RM 7,200.00. Selain itu, unit MASMED dibawah BPJIM&A kiosk infraniaga MASMED berjaya menjana sebanyak RM45,972.55 bagi tahun 2024 melalui gerai sewaan kepada alumni UiTM.

Beberapa **program telah dianjurkan oleh fakulti dan bahagian dengan kerjasama Unit ICAN dalam memberi sumbangan kepada kecemerlangan JAK&K dan keusahawanan** seperti i) Program Penjanaan Pendapatan Melalui Keusahawanan Digital di Kalangan Peserta Miskin Tegar (DiME 2024) (Bukti 5.5.4) Program Pemerksaan Kemahiran Berkomunikasi dan Teknik Penyampaian bagi Jurupandu (GEOGUIDE) Pelancong di Stong Geopark Kelantan, iii) Program Kerjasama Perundingan Komuniti Setempat Staf UiTMCK Bersama Pelajar Sekolah Maahad Tahfiz Sains Bustanul Arifin Tumpat, iv) Program Bengkel Seni Cetak Mini Bersama Sekolah Dasar Darul Hikam, v) Program Art Camp: Fun With Doodle Art, vi) Program Pendidikan Sivik dan Kenegaraan Bersama Belia Negeri Kelantan, vii) Program Kursus Kepimpinan Pembimbing Rakan Sebaya Bestari Peringkat Daerah Pasir Mas 2024, viii) Program International Volunteering Programme Series 2: Let's Stand Together with Prime Mover UiTMCK and Universitas Sumatera Utara, Medan Indonesia (Bukti 5.5.3) Program Empowering Community: Digital Marketing in Tumpat, Kelantan dan lain-lain lagi program yang menyumbang ke arah kecemerlangan komuniti.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_S01\\_SB05\\_20251\\_5.5.1 INTEGRASI PENCAPAIN JAK&K\\_UITM KELANTAN.pdf](#)
2. [K0058\\_S01\\_SB05\\_20252\\_5.5.2 JALINAN HUBUNGAN DENGAN INDUSTRI\\_NGO TEMPATAN\\_UITM KELANTAN.PDF](#)
3. [K0058\\_S01\\_SB05\\_20253\\_5.5.3 JALINAN HUBUNGAN DENGAN INDUSTRI\\_NGO LUAR NEGARA\\_UITM KELANTAN.pdf](#)
4. [K0058\\_S01\\_SB05\\_20254\\_5.5.4 JALINAN HUBUNGAN DENGAN INDUSTRI\\_NGO TEMPATAN\\_UITM KELANTAN.pdf](#)
5. [K0058\\_S01\\_SB05\\_20255\\_5.5.5 JALINAN HUBUNGAN DENGAN INDUSTRI\\_NGO](#)



## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengurusan operasi sesebuah organisasi bermula daripada perancangan pengurusan sumber yang efektif di dalam memastikan kelancaran proses transformasi sumber kepada hasil. Berteraskan slogan “Championing Datapreneurship, Empowering Community”, penglibatan warga UiTMCK dan libatsama pihak berkepentingan seperti komuniti setempat, jalinan kerjasama bersama industri dan agensi kerajaan sama ada di dalam dan luar negara dititikberatkan di dalam melestarikan operasi UiTMCK. Seiring dengan amanat Rektor UiTMCK 2024 yang mensasarkan **penglibatan aktif bersama industri komuniti serta transformasi staf akademik bertaraf global**, bidang tumpuan AKNC 2024, Jaringan Komuniti, Alumni dan Kesukarelawan, telah membuktikan kecekapan operasi berjaya membantu UiTMCK meraih kecemerlangan dengan merangkul tempat pertama di dalam **Anugerah Penarafan Bintang Terbanyak PTJ pada Anugerah METIC 14/2025**. Pencapaian UiTMCK didukung oleh operasi sistematik JAKK UiTMCK dimulai **dengan perancangan** yang strategik, **pelaksanaan** yang cekap, **pemantauan** berterusan dan **tindakan penambahbaikan** berterusan.

Proses bermula dengan aktiviti **perancangan** yang dipandu oleh Bengkel Perancangan Strategik, Pelan Tindakan Strategik dan Bengkel Semakan Semula Petunjuk Prestasi yang diadakan pada setiap tahun di dalam menentukan hala tuju UiTMCK. Elemen perancangan ini merupakan proses utama di dalam memastikan UiTMCK dapat mencapai sasaran petunjuk prestasi yang telah diagihkan oleh Bahagian Transformasi Universiti, sekaligus membantu universiti mencapai **Pelan Strategik UiTM 2025, Globally Renowned University**. Bengkel yang mengumpulkan pemilik dan pelaksana petunjuk prestasi ini, menjadi medium perbincangan dalam menyampaikan maklumat dan menyuarakan pandangan dengan lebih efektif.

**Pelaksanaan** projek dan aktiviti yang dirancang berteraskan **Amanat Rektor UiTMCK 2024** di dalam memenuhi keperluan rakyat di samping memperkasa kerjasama awam dan swasta dimanifestasikan oleh aktiviti dan program seperti **DiME 2024 Program Penjanaan Pendapatan Melalui Keusahawanan Digital dalam Kalangan Peserta Miskin Tegar, Program Pemeriksaan Kemahiran Berkomunikasi dan Teknik Penyampaian Bagi Jurupandu Pelancong di Stong Geopark, Kelantan** yang berimpak tinggi dan berteraskan pemindahan ilmu dan kepakaran kepada komuniti setempat. Inisiatif di dalam memelihara jaringan industri dan penglibatan aktif bersama komuniti ini dipanjangkan ke peringkat antarabangsa menunjukkan **pelaksanaan operasi utama JAKK UiTMCK** membuahkan hasil dan keberhasilan inisiatif ini diterjemahkan oleh **MoU dan MoA bersama Pondok Tahfizul Qur'an Shah-Amin Umn Al Washliyah, Medan Indonesia** dan **Selasar Sunaryo Art Space, Bandung Indonesia**.

**Pemantauan** operasi kesemua program dan aktiviti yang telah didaftarkan risiko dan permohonan MoU/MoA, melibatkan pembentukan Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN) yang bertanggungjawab membuat keputusan, menyelaraskan dan memantau aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawan di UiTMCK. Pihak pengurusan UiTMCK **memantau pelaksanaan operasi** melalui **pembentangan laporan** dalam Mesyuarat JKJN dan juga melalui Bengkel Pelaporan Pelan Tindakan Strategi. **Tindakan penambahbaikan** berdasarkan pelaporan status pencapaian program dan aktiviti yang dibentangkan melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat JKJN. **Pemantauan** status program ini dilakukan untuk menilai keberkesanan aktiviti yang telah dilaksanakan dan **tindakan penambahbaikan** yang dilakukan memberi impak yang tinggi kepada komuniti setempat.

**Penambahbaikan** proses pengagihan petunjuk prestasi berdasarkan kekuatan setiap bahagian dan fakulti memilih rakan kolaborasi, komuniti dan program berimpak tinggi yang menyumbang kepada inovasi, menyumbang kepada pencapaian petunjuk prestasi UiTMCK. Inisiatif ini membuktikan **UiTMCK mempunyai nilai kebolehpasaran** idea dan sumber kepakaran ke peringkat dunia, mampu membuat transformasi staf akademik dan bukan akademik sebagai

pakar bertaraf global melalui pembudayaan inovasi di UiTMCK.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Berdasarkan Perancangan Strategik UiTM 2024, terdapat lapan Penekanan Utama bagi memperkukuh hala tuju universiti. Antara pelan tumpuan di bawah Jaringan Alumni, Komuniti dan Keusahawanan ialah Pelan Penglibatan Komuniti dan Industri, yang dilaksanakan melalui **Model Lingkaran Lima Sektor** atau **Quintuple Helix**. **Pendekatan** ini menggabungkan **sinergi** kerjasama antara UiTM, industri, komuniti, alumni, dan kerajaan bagi memperkasa masyarakat melalui program kolaborasi berimpak tinggi (Bukti 6.2.1). Usaha mengekalkan jaringan dan memperkukuh kolaborasi ini diterajui oleh JAKK UiTMCK berteraskan slogan **Championing Datapreneurship, Empowering Community**.

UiTMCK konsisten **merancang** dan melaksanakan aktiviti komuniti dan kesukarelawan merangkumi kerjasama strategik dan hubungan mampan antara universiti dan masyarakat melalui program berimpak tinggi. Bagi memastikan inisiatif ini berterusan, UiTMCK melaksanakan **perancangan** operasi dan menetapkan petunjuk prestasi melalui Bengkel Pengurusan Strategik anjuran Unit Transformasi Universiti. Semua pelaksanaan diselia oleh pegawai bertanggungjawab, direkod, dipantau secara berkala dan diperkukuh mengikut **pendekatan** PDCA (Bukti 6.2.2). Pemantauan dilaksanakan setiap suku tahun melalui mesyuarat dan bengkel dalaman berdasarkan pencapaian semasa. Agihan petunjuk prestasi dibuat selaras dengan pelaksanaan program serta aktiviti kesukarelawan, komuniti dan alumni yang mengutamakan kolaborasi bersama pihak luar.

Antara program berimpak tinggi yang dirancang selaras dengan Quintuple Helix ialah Program Penjana Pendapatan Melalui Keusahawanan Digital di Kalangan Peserta Miskin Tegar (DiME 2024). JAKK UiTMCK memastikan operasi program ini merangkumi pemilihan fasilitator dalam kalangan pensyarah UiTMCK dan pegawai ICU JPM Negeri Kelantan, pemilihan peserta, serta penetapan modul yang bersesuaian. **Perancangan** ini melibatkan pelbagai pihak luar dan dinilai dari aspek kewangan, tenaga kerja, dan kepakaran bagi memastikan aktiviti komuniti berimpak tinggi ini dibudayakan oleh warga UiTMCK serta diintegrasikan ke dalam pembangunan komuniti setempat (Bukti 6.2.3).

Pendekatan yang diambil oleh JAKK UiTMCK dalam **merancang** operasi program dan aktiviti komuniti, alumni dan kesukarelawan bermula dengan **menganalisa pencapaian petunjuk prestasi** tahun 2023. Pendekatan ini membolehkan JAKK UiTMCK **menganalpasti** kekuatan setiap bahagian dan fakulti. Misalnya, pada tahun 2023, 21 projek telah berjaya dilaksanakan dan mendapat penarafan tiga bintang, dan membantu JAKK **merancang** pengagihan petunjuk prestasi 2024, mengikut prestasi bahagian dan fakulti di dalam usaha membantu pencapaian UiTMCK. **Pendekatan** ini berhasil di mana setiap bahagian dan fakulti diberi autonomi untuk **memilih** dan **merancang** program dan aktiviti mengikut garis panduan universiti di bawah pantauan JAKK UiTMCK. Setiap bahagian dan fakulti perlu mengisi cadangan projek selepas pengagihan petunjuk prestasi di dalam platform **i-Strategik UiTMCK** yang dibangunkan oleh UTU UiTMCK dan akan dibentangkan pada Bengkel Pelan Tindakan Strategik dan dinilai oleh JAKK UiTMCK sebelum diperluaskan ke peringkat seterusnya (Bukti 6.2.4).

Bagi menjamin keberhasilan program berimpak tinggi yang telah dijalankan, **penyeliaan** keberkesanan program dilaksanakan oleh JAKK UiTMCK melalui pelaporan aktiviti oleh ketua projek di dalam sistem PRIME. Proses ini dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN) dan menyumbang kepada penarafan bintang yang diukur melalui MyRA, MyMOHEs dan SETARA. Penarafan bintang yang tinggi meningkatkan prestij UiTMCK di peringkat nasional dan antarabangsa, membuka peluang memperkukuh jaringan kerjasama strategik serta menjadi pemangkin kepada warga UiTM untuk terus mengekalkan kecemerlangan dalam pembangunan komuniti selaras dengan tema **Globally Renowned, Locally Rooted** (Bukti 6.2.5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_O01\\_OB02\\_20251\\_6.2.1 UiTM Kelantan.pdf](#)

- 
2. [K0058\\_O01\\_OB02\\_20252\\_6.2.2 UiTM Kelantan.pdf](#)
  3. [K0058\\_O01\\_OB02\\_20253\\_6.2.3 UiTM Kelantan.pdf](#)
  4. [K0058\\_O01\\_OB02\\_20254\\_6.2.4 UiTM Kelantan.pdf](#)
  5. [K0058\\_O01\\_OB02\\_20255\\_6.2.5 UiTM Kelantan.pdf](#)

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dalam usaha memperkukuh keberkesanan pelaksanaan program, UiTMCK telah mengadaptasi model PDCA (Plan, Do, Check, Action) melalui Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan sebagai mekanisme kawalan kualiti. **Pelaksanaan** model ini membolehkan perancangan, pelaksanaan, pemantauan, dan penambahbaikan dijalankan secara bersepadu bagi memastikan pencapaian matlamat organisasi yang konsisten. Ia amat signifikan dalam memastikan kesemua program yang dijalankan mencapai piawaian institusi sebagaimana yang telah ditetapkan oleh UiTMCK. Selain itu, model ini memberikan kerangka panduan yang sistematik kepada warga UiTMCK dalam mengaplikasikan inovasi ke atas proses kerja, sekali gus memperkukuh budaya penambahbaikan berterusan serta menjamin peningkatan tahap kecemerlangan dan keberkesanan operasi program yang dirancang dan dilaksanakan.

Pada awal tahun 2024, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIM&A) telah menyusun dan membentangkan pelan **pelaksanaan** pelbagai program strategik melalui mesyuarat bahagian sebagai langkah permulaan (Bukti 6.3.1). Antara program yang dikenal pasti ialah pelaksanaan “Taklimat Modul Penerbitan Pensyarah di Sistem PRIME” yang bertujuan memberi pendedahan serta panduan kepada pensyarah dalam menguruskan penerbitan melalui platform rasmi universiti (Bukti 6.3.2). Walaupun perancangan telah lengkap, **pelaksanaan** setiap program adalah tertakluk kepada kelulusan pihak pengurusan melalui penyediaan kertas kerja, dibentangkan di peringkat Mesyuarat JKEN dan PPSM bagi menjamin pengurusan mematuhi kehendak peraturan universiti dan perundangan.

Pelbagai program telah dianjurkan oleh fakulti dan bahagian dengan kerjasama dan pemantauan JAKK UiTMCK, di dalam memperkukuh kecemerlangan jalinan alumni, khidmat masyarakat, kesukarelawan. Operasi JAKK UiTMCK diperkukuhkan dengan proses penambahbaikan berdasarkan prestasi tahun 2023, menggerakkan perancangan yang lebih strategik dan **pelaksanaan** dapat dilakukan dengan sistematik. Proses **perluasan** dilaksanakan dengan memastikan kesemua bahagian dan fakulti menerima maklumat dan informasi yang tepat, mengikut garis panduan dan tatacara, libat urus program komuniti sebelum **pelaksanaan** sesuatu program dan aktiviti. Maklumat seperti kriteria pemilihan projek untuk penarafan bintang, pemilihan komuniti disampaikan secara **meluas** melalui bengkel yang melibatkan ketua bahagian dan fakulti. Maklumat ini akan **dikongsi** kepada ahli fakulti dan bahagian, di mana keberkesanan proses **perluasan** dan **perkongsian** maklumat ini, diukur melalui pencapaian petunjuk prestasi yang melebihi sasaran pada tahun 2024 melalui program berimpak tinggi seperti DIME 2024 yang mendapat penarafan tinggi bintang dan merangkul tempat ketiga Anugerah Projek Komuniti, MeTIC 2025 (Bukti 6.3.3). Keberhasilan dari proses **perluasan** ini diperkukuhkan dengan kejayaan UiTMCK memeterai MoU & MoA bersama industri dan komuniti antarabangsa seperti jalinan kerjasama strategik berimpak tinggi seperti kerjasama dengan Selasar Sunaryo Art Space, Bandung Indonesia (Bukti 6.3.4). **Perluasan** dan **pelaksanaan** yang memerlukan strategi pengoperasian cekap JAKK UiTMCK ini, memberi impak besar kepada UiTMCK dalam aspek jaringan serantau, mobiliti akademik, pembangunan komuniti, inovasi budaya, dan keusahawanan bumiputera selaras dengan aspirasi globalisasi pendidikan tinggi negara.

Kecemerlangan UiTMCK di dalam memacu kelastarian komuniti setempat melalui program berimpak tinggi menunjukkan JAKK UiTMCK amat menitik berat kesinambungan kerjasama dan kolaborasi antara industri luar mahupun komuniti agar ianya selari dengan sasaran rangka tindakan Hala Tuju UiTM 2024 (Bukti 6.3.5). Program-program yang dirancang bukan sahaja **diperluaskan** di kalangan warga UiTMCK malah disebar luas manfaatnya alumni, industri dan komuniti setempat seiring dengan slogan UiTMCK **Championing Datapreneurship, Empowering Community**.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_O01\\_OB03\\_20251\\_6.3.1 UiTM Kelantan.pdf](#)
2. [K0058\\_O01\\_OB03\\_20252\\_6.3.2 UiTM Kelantan.pdf](#)
3. [K0058\\_O01\\_OB03\\_20253\\_6.3.3 UiTM Kelantan.pdf](#)
4. [K0058\\_O01\\_OB03\\_20254\\_6.3.4 UiTM Kelantan.pdf](#)
5. [K0058\\_O01\\_OB03\\_20255\\_6.2.1 UiTM Kelantan.pdf](#)
6. [K0058\\_O01\\_OB03\\_20251\\_6.3.1 UiTM Kelantan.pdf](#)
7. [K0058\\_O01\\_OB03\\_20252\\_6.3.2 UiTM Kelantan.pdf](#)
8. [K0058\\_O01\\_OB03\\_20253\\_6.3.3 UiTM Kelantan.pdf](#)
9. [K0058\\_O01\\_OB03\\_20254\\_6.3.4 UiTM Kelantan.pdf](#)
10. [K0058\\_O01\\_OB03\\_20255\\_6.2.1 UiTM Kelantan.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Kejayaan UiTMCK merangkul tempat pertama di Anugerah Penarafan Bintang Terbanyak PTJ 2024, **MeTIC 2025** didukung oleh pengurusan operasi yang efisien hasil daripada **pemantauan** berkala oleh Unit JAKK diikuti dengan beberapa siri mesyuarat, bengkel dan sesi perbincangan oleh pihak pengurusan tertinggi UiTMCK. JAKK UiTMCK sentiasa memastikan semua aktiviti dan program yang dirancang oleh warga UiTMCK disemak dan **dipantau** dengan teliti melalui pembentangan laporan sukuan yang dianjurkan oleh Unit Transformasi UiTMCK untuk memastikan pelaksanaan aktiviti mencapai objektif.

Proses **pemantauan** aktiviti dan program bermula selepas sesi pembentangan perancangan strategik bahagian dan fakulti pada **Bengkel Pelan Tindakan Strategik** yang dianjurkan oleh Unit Transformasi UiTMCK pada setiap tahun, diikuti dengan **pemantauan** status perjalanan aktiviti dan pelaporan melalui mesyuarat JKJN (Bukti 6.4.1.1).

Setiap aktiviti dan program yang telah diluluskan oleh JKEN akan **dipantau** oleh JAKK UiTMCK yang terdiri daripada Kordinator dan penyelar. Gerak kerja aktiviti untuk setiap program antarabangsa dan kerjasama tempatan, seperti perjanjian persefahaman MoU/Moa/Lol akan dipantau dan dibentangkan di dalam mesyuarat JKJN sehingga berjaya didaftarkan dan diverifikasi dalam Sistem Nilams mengikut garis panduan universiti (Bukti 6.4.1.2). Di samping itu, pencapaian semasa petunjuk prestasi JAKK UiTMCK juga dibentangkan di dalam mesyuarat pelaporan JKJN dan MKSP untuk dibincangkan di dalam merangka pelan tindakan supaya dapat mencapai sasaran. Pendekatan ini berhasil apabila UiTMCK berjaya memeterai perjanjian persefahaman antarabangsa dan kerjasama tempatan melebihi sasaran pada sukuan ketiga 2024, seiring dengan **Model Lingkaran Lima Sektor (Quintuple Helix)** melalui program kolaborasi berimpak seperti yang diamanatkan oleh Rektor UiTMCK pada tahun 2024 (Bukti 6.4.1.3). Inisiatif **pemantauan** berkala seperti pelaporan status aktiviti melalui dashboard i-Strategik UiTMCK, siri mesyuarat pengurusan I tertinggi UiTMCK seperti MKSP dan JKJN serta melalui Bengkel Pelaporan Perancangan Strategik yang diadakan pada setiap sukuan tahun ini, membantu kelancaran pelaksanaan program komuniti seperti DIME 2024 yang berjaya merangkul tempat ketiga Anugerah Projek Komuniti Metic 2025 (Bukti 6.4.1.4).

Melalui platform ini, pihak pengurusan UiTMCK dapat **menilai** kebolehlaksanaan sesuatu aktiviti **dan mengenalpasti risiko** yang dihadapi oleh pelaksana program serta berbincang tentang **tindakan penambahbaikan**. Hasil **pemantauan** berkala pada mesyuarat JKJN, status pelaksanaan program dan aktiviti dibentangkan sehinggalah ke peringkat pelaporan di dalam sistem PRIME dan SMART untuk penarafan bintang (Bukti 6.4.1.5).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20251\\_6.4.1.1 UiTM Kelantan.pdf](#)
2. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20252\\_6.4.1.2 UiTM Kelantan.pdf](#)
3. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20253\\_6.4.1.3 UiTM Kelantan.pdf](#)
4. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20254\\_6.4.1.4 UiTM Kelantan.pdf](#)
5. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20255\\_6.4.1.5 UiTM Kelantan.pdf](#)

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCK mementingkan pengurusan risiko bagi proses operasi utama dalam membantu pencapaian petunjuk prestasi yang disasarkan. **Analisa risiko** setiap program dan aktiviti bermula pada peringkat perancangan program yang perlu dibentangkan oleh bahagian dan fakulti di Bengkel Pelan Tindakan Strategik. **Analisa risiko** ini akan dipantau oleh pemilik petunjuk prestasi iaitu JAKK UiTMCK dari masa ke semasa melalui platform **i-Strategik UiTMCK** yang dibangunkan oleh UTU UiTMCK, sehingga aktiviti dan program berjaya dilaksanakan (Bukti 6.4.2.1). Selain itu, pelaksana program yang merancang jalinan kerjasama dengan pihak luar, perlu mendaftar risiko di dalam sistem UiSMS, dan perjalanan program yang didaftarkan dipantau dari segi risiko pelaksanaan oleh JAKK UiTMCK (Bukti 6.4.2.2).

**Risiko** keberhasilan dalam mencapai penarafan bintang melalui pemilihan program dan projek libatsama komuniti dan sukarelawan berimpak tinggi dikenal pasti dengan menganalisa faktor yang boleh mempengaruhi kegagalan pencapaian seperti sasaran komuniti untuk penglibatan aktiviti, sumber kepakaran dan kos yang tinggi. JAKK UiTMCK **meminimakan risiko** ini dengan mengadakan sesi konsultasi bersama pelaksana aktiviti dengan membuat penilaian kertas kerja melalui pemetaan petunjuk prestasi yang boleh dicapai berdasarkan manual libat sama komuniti 2024 yang telah dikongsi kepada warga UiTMCK (Bukti 6.4.2.3). Langkah ini bukan sahaja membantu UiTMCK mencapai sasaran petunjuk prestasi tetapi dapat mengelakkan risiko pelaporan penarafan bintang di sistem PRIME, sebelum permohonan dan kertas kerja disokong oleh PJIMA dan dibentang di mesyuarat JKEN. Selain itu, JAKK UiTMCK memantau setiap aktiviti yang telah diluluskan sehingga pelaksanaan dan proses pendaftaran di sistem PRIME dengan menghubungi setiap ketua projek dan pelaporan akan dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN) (Bukti 6.4.2.4).

Selain itu, untuk mencapai sasaran petunjuk prestasi jaringan alumni dan pembangunan kepakaran, proses untuk mendapatkan data alumni UiTMCK terdedah kepada **risiko perundangan** yang melindungi data peribadi akibat daripada penggunaan data daripada Kajian Pengesanan Graduan/Tracer Study MOHE. **Risiko ini dipantau** oleh JAKK UiTMCK melalui mengumpulan data alumni dengan menggunakan **Google Form** kepada alumni yang diedarkan melalui PP/PP/Wakil Alumni Fakulti/Penyelaras Alumni UiTMCK dan disemak sebelum dimasukkan ke dalam sistem SMART (Bukti 6.4.2.5). Pelaporan statistik pencapaian jaringan alumni ini dibentangkan dan dinilai pada mesyuarat JKJN.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20251\\_6.4.1.1 UiTM Kelantan.pdf](#)
2. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20252\\_6.4.1.2 UiTM Kelantan.pdf](#)
3. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20253\\_6.4.1.3 UiTM Kelantan.pdf](#)
4. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20254\\_6.4.1.4 UiTM Kelantan.pdf](#)
5. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20255\\_6.4.1.5 UiTM Kelantan.pdf](#)

### 6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCK sentiasa memastikan operasi JAKK berupaya mencapai sasaran dan objektif strategi yang ditetapkan melalui kajian semula operasi secara berkala. **Dapatan hasil kajian prestasi** JAKK UiTMCK dikumpulkan dan dibawa ke mesyuarat pelaporan JKJN dan mesyuarat MKSP bagi membincangkan pencapaian objektif kualiti dan hasil penemuan audit yang membantu UiTMCK membuat **penambahbaikan secara berterusan** (Bukti 6.4.3.1). Pengurusan UiTMCK melalui Unit Transformasi Universiti (UTU), mengadakan bengkel pelaporan pencapaian prestasi UiTMCK pada setiap tahun sebelum bermulanya pembahagian petunjuk prestasi. Melalui siri bengkel ini, semua bahagian yang terdiri daripada pihak pemilik dan pelaksana petunjuk prestasi, **mengkaji semula sasaran** yang tidak dapat dicapai serta **mengenalpasti punca** untuk **penambahbaikan** strategi (Bukti 6.4.3.2).

Pendekatan ini menyumbang kepada proses **penambahbaikan** JAKK UiTMCK dengan **menyusun semula** strategi pemilihan projek, komuniti dan rakan kolaborasi yang lebih strategik. Misalnya, isu sumber kewangan dan dana untuk melaksanakan program komuniti dan kesukarelawan di UiTMCK berjaya diatasi dengan strategi mencari rakan kolaborasi daripada industri dan alumni UiTMCK yang boleh menyumbang kepada sumber kewangan melalui jalinan kerjasama yang menguntungkan kedua-dua pihak. JAKK UiTMCK akan meneliti potensi program melalui kertas kerja dan cadangan projek yang boleh menyumbang kepada dana UiTMCK dan sekaligus dapat mencapai petunjuk prestasi UiTMCK. Pendekatan ini membolehkan UiTMCK mengurangkan risiko kegagalan pelaksanaan program yang dirancang dan pada yang sama mampu mencari sumber kewangan sendiri dan melaksanakan aktiviti yang berimpak tinggi kepada komuniti setempat. Hasilnya, beberapa program dan aktiviti berjaya dilaksanakan dengan pembiayaan penuh dari Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan ICU dan Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (Bukti 6.4.3.3).

Bagi jaringan pembangunan kepakaran, pendekatan yang lebih proaktif telah dilakukan untuk menarik penglibatan alumni UiTMCK melalui Persatuan Alumni UiTM Kelantan (PAUK) yang berperanan sebagai platform menghubungkan alumni dan menyokong pembangunan universiti dan pelajar, melalui sumbangan sosial dan kebajikan komuniti. Inisiatif seperti Majlis Makan Malam Bersama Alumni UiTM sempena 25 Tahun UiTM 2024, bukan sahaja membantu pengumpulan dana tambahan UiTMCK, malah telah menyumbang kepada pencapaian penuh petunjuk prestasi UiTMCK, pembangunan kepakaran alumni pada sukuan ketiga 2024 (Bukti 6.4.3.4). **Langkah dan pendekatan** yang diambil hasil **penambahbaikan strategi**, UiTMCK melalui Festival RelACt berjaya memperkasakan pemindahan ilmu seiring dengan **Pelan Strategik UiTM 2025, Globally Renowned University** (Bukti 6.4.3.5).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20251\\_6.4.3.1 UiTM Kelantan.pdf](#)
2. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20252\\_6.4.3.2 UiTM Kelantan.pdf](#)
3. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20253\\_6.4.3.3 UiTM Kelantan.pdf](#)
4. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20254\\_6.4.3.4 UiTM Kelantan.pdf](#)
5. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20255\\_6.4.3.5 UiTM Kelantan.pdf](#)

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

JAKK UiTMCK sangat menitikberatkan operasi yang sistematik untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik dengan proses penambahbaikan berterusan melalui pelbagai kerjasama jalinan strategik yang berimpak tinggi. Keberkesanan proses penambahbaikan ini telah **diterapkan** bukan sahaja di kalangan warga UiTMCK tetapi **disebarluaskan** kepada komuniti setempat, malah di peringkat antarabangsa melalui pelaksanaan beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) (Bukti 6.5.1). **Pembudayaan** “Empowering Community” yang menjadi teras UiTMCK bermula dengan pengagihan petunjuk prestasi kepada semua bahagian berdasarkan kekuatan dan kepakaran setiap bahagian dan fakulti melalui Bengkel Pelan Tindakan Strategik, yang dianjurkan oleh UTU UiTMCK. Pendekatan dan inisiatif yang dilaksanakan oleh operasi JAKK UiTMCK bagi membudayakan inovasi dengan kaedah pemantauan perjalanan projek dan aktiviti yang dirangka dan menyusun strategi berdasarkan kerangka Pelan Strategik UiTM 2025, Globally Renowned University. Hasilnya, melalui MoU/MoA, pelbagai aktiviti bukan sahaja menyumbang kepada pencapaian jaringan industri dan komuniti tetapi juga pemangkin kepada aktiviti inovasi yang berimpak tinggi. Contohnya, program DiME 2024 berjaya mengumpulkan pakar UiTMCK yang menyasarkan peningkatan tahap sosio-ekonomi komuniti setempat melalui pembangunan Modul Keusahawanan Digital dan telah didaftarkan sebagai harta intelek yang dimanfaatkan oleh komuniti setempat (Bukti 6.5.2).

UiTMCK juga menekankan **pembudayaan** aktiviti sukarelawan di kalangan warga UiTMCK dan disebar luas kepada komuniti setempat melalui penubuhan Bilik Gerakan Operasi Bencana Negeri (JOBN) UiTMCK 2024. Kerjasama strategik dengan agensi Kerajaan dan NGO disepadukan dengan keperluan komuniti setempat yang terkesan. Pembudayaan sistem kerja yang cekap dengan menekankan Plan, Do, Control, Action, melancarkan pengoperasian JOBN UiTMCK dalam menangani krisis banjir yang bukan sahaja digerakkan untuk membantu pelajar tetapi komuniti setempat (Bukti 6.5.3). Tahap pembudayaan aktiviti sukarelawan yang terhasil dari pengoperasian yang cekap, menyumbang kepada kejayaan UiTMCK menangani bencana banjir dengan sistematik dan diperluaskan kepada masyarakat setempat dengan melaksanakan Program Sukarelawan Pasca Banjir.

Tambahan pula, di dalam **melestarikan inovasi** sebagai satu norma dan budaya di kalangan warga UiTMCK, sambutan dan majlis penghargaan ini dapat memperkukuhkan kekuatan sumber intelektual Malaysia selaras dengan Amanat Rektor UiTMCK 2024. Program seperti Festival ReIACT 2024, merupakan salah satu inisiatif yang dilakukan oleh UiTMCK sebagai di dalam mencapai sasaran untuk penghasilan kecemerlangan sistem/operasi/SOP JAKK UiTMCK. Inisiatif strategik yang dirancang dan dilaksanakan oleh JAKK UiTMCK di dalam meningkatkan jalinan ukhwah bersama alumni seperti Program Alumni Sharing Petronas Bedigital Boothcamp, Majlis Makan Malam Bersama Alumni UiTM sempena 25 Tahun UiTM 2024, **membudayakan pemindahan ilmu** melalui sesi perkongsian dan pengalaman dari alumni UiTMCK yang berjaya (Bukti 6.5.4).

Di samping itu, Festival REIACT Day melebarkan **pembudayaan inovasi** menerusi program komuniti dan pemindahan ilmu melalui jalinan kerjasama kepada rakan sinergi, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC), Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan (ICU) dan Nasken Coffee melalui Anugerah Khas (Sinergi) PJIM&A 2024 (Bukti 6.5.5). Inisiatif ini menggambarkan **pembudayaan** aktiviti inovasi bukan sahaja **diterapkan** di kalangan warga UiTMCK tetapi juga kepada rakan sinergi, di mana pemindahan ilmu dan pembangunan kepakaran UiTMCK dapat **disebar luas** kepada komuniti setempat di dalam memacu UiTM ke arah Globally Renowned University 2025.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_O01\\_OB05\\_20251\\_6.5.1 UiTM Kelantan.pdf](#)
2. [K0058\\_O01\\_OB05\\_20252\\_6.5.2 UiTM Kelantan.pdf](#)

3. [K0058\\_O01\\_OB05\\_20253\\_6.5.3 UiTM Kelantan.pdf](#)
4. [K0058\\_O01\\_OB05\\_20254\\_6.5.4 UiTM Kelantan.pdf](#)
5. [K0058\\_O01\\_OB05\\_20255\\_6.5.5 UiTM Kelantan.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

#### ***HASIL TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA YANG KOMPETEN DAN BERDAYA SAING***

##### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

**Kecekapan dan daya saing pengurusan sumber manusia oleh Pengurusan Kanan UiTMCK telah terbukti melalui kejayaan menggerakkan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAK&K), dengan sokongan penuh warga UiTMCK di Kampus Machang dan Kota Bharu.**

Bagi tahun 2024, **pencapaian sumber manusia UiTMCK dalam aspek JAK&K melangkaui sasaran dengan beberapa Petunjuk Indeks (PI) melebihi jangkauan.** Kejayaan ini diperkukuh melalui kerjasama strategik dengan agensi nasional, industri dan antarabangsa seperti **Universitas Islam Sultan Agung (UNISSULA), Indonesia.** Di samping itu perolehan geran penyelidikan nasional, industri dan antarabangsa juga memberi impak positif serta signifikan kepada universiti dengan nilai terkumpul **RM1,329,910.**

UiTMCK turut mengukuhkan kedudukan global melalui pelbagai **pengiktirafan, termasuk, lawatan benchmarking oleh agensi nasional, antarabangsa dan industri, jemputan pensyarah akademik sebagai pensyarah jemputan di universiti luar negara serta perlantikan kakitangan sebagai perunding agensi nasional.** Antaranya delegasi daripada **Princess of Naradhiwas University, Thailand, Quanzhou Vocational and Technical University, China, Institut Aminudin Baki dan Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS).**

**Prestasi sumber manusia UiTMCK juga menunjukkan tren positif dari tahun ke tahun, terutamanya dalam aspek peningkatan kelayakan profesional staf dengan jumlah 101 pensyarah PhD, geran bersama agensi nasional, industri dan antarabangsa, antaranya pencapaian Dr Azyanee Luqman yang dinobatkan sebagai penerima geran terbanyak di UiTMCK untuk tahun 2024 dengan perolehan geran sebanyak RM335,526.00.** Perolehan geran antarabangsa membuktikan **pencapaian UiTMCK di peringkat global serta meningkatkan ketampakan antarabangsa.** Selain itu, **program-program alumni, komuniti dan kesukarelawan terus menunjukkan tren positif apabila sebanyak 38 projek USR telah didaftarkan dalam sistem PRIME.**

**Perbandingan dan tanda aras di peringkat nasional dan antarabangsa menunjukkan kekuatan sumber manusia UiTMCK Benchmark antarabangsa dari Princess of Naradhiwas University, Thailand menekankan kolaborasi penyelidikan dan mobiliti mahasiswa, manakala perbandingan PJIA-ICAN 2022–2024 antara UiTMCK, UiTMCT dan UiTMCP menonjolkan daya tahan dan prestasi staf UiTMCK.** UiTMCK turut meraih Tempat Pertama **Anugerah Penarafan Bintang Terbanyak MeTIC ke-14, 2025,** serta menunjukkan **keunggulan staf APB dalam jaringan komuniti dan kesukarelawan.** Kompetensi dan daya saing sumber manusia turut menyumbang kepada **peningkatan indeks kesejahteraan,** selaras dengan amanat rektor: **“Menghayati Nilai Insan dan Ihsan, Beraksi di Persada Global”.**

Inisiatif UiTMCK dalam **pemeriksaan sumber manusia memberi impak menyeluruh kepada kampus, komuniti, universiti dan negara.** Keupayaan staf melaksanakan program, penyelidikan, inovasi, dan jaringan komuniti telah membuahkan pelbagai pengiktirafan, termasuk **Anugerah METIC, AKRK, AAU, PJIA-ICAN dan anugerah inovasi,** yang menekankan kepimpinan serta keberkesanan tadbir urus. Selari dengan itu, projek seperti **pembangunan sistem pengurusan masjid menunjukkan kepakaran dalaman** dimanfaatkan untuk **kesejahteraan masyarakat,** manakala program **Alumni Sharing: From IM to IM**

meningkatkan kompetensi dan perspektif akademik staf serta pelajar dalam bidang **Information Management**. Di samping itu, jalinan MoU antarabangsa memperkukuh kualiti akademik, pembangunan pelajar, reputasi global, dan sumbangan universiti kepada **agenda negara**. Keseluruhan inisiatif ini mencerminkan keupayaan UiTMCK untuk mengintegrasikan sumber manusia dengan strategi pembangunan, inovasi dan pengaruh sosial secara menyeluruh.

Berteraskan nilai i-DART, **UiTMCK berjaya mengurus hasil sumber manusia JAK&K 2024 dengan cemerlang**. Pencapaian ini membuktikan keupayaan UiTMCK bersaing di peringkat nasional dan global, dengan tren positif dalam peningkatan jumlah kakitangan berkelayakan PhD, perolehan geran, serta impak berterusan kepada komuniti, industri, alumni dan negara.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_K0058\\_HB02\\_20251\\_7.1.2 UiTM Kelantan.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_K0058\\_HB03\\_20252\\_7.1.3 UiTM Kelantan.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_K0058\\_HB04\\_20253\\_7.1.4 UiTM Kelantan.pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_K0058\\_HB05\\_20254\\_7.1.5 UiTM Kelantan.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

#### **BIDANG TUMPUAN: JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI & KESUKARELAWANAN**

#### **HASIL DARIPADA TUMPUAN PELANGGAN**

##### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kepimpinan UiTMCK mengambil serius pelaksanaan perancangan strategik bila mana semua aktiviti serta program di semua peringkat perlu mengambilkira kepentingan pencapaian petunjuk prestasi (PI) yang telah ditetapkan ke atas UiTMCK. Bagi memastikan PI yang ditetapkan ke atas UiTMCK dapat dicapai dengan jayanya, mesyuarat serta bengkel perbincangan ke arah pencapaian PI telah dilakukan.

Perancangan strategik UiTMCK adalah berpandukan perancangan strategik yang telah ditetapkan oleh UiTM secara keseluruhan. Pada tahun 2019, petunjuk prestasi bagi UiTMCK adalah sepertimana tahun 2018. Namun oleh kerana UiTMCK telah menunjukkan pencapaian prestasi yang cemerlang pada tahun 2018 maka sasaran pencapaian untuk UiTMCK telah turut dipertingkatkan. Manakala pada tahun 2020, perancangan strategik **UiTM 2025** telah diperkenalkan yang mana sasaran pencapaian yang ditetapkan adalah lebih berfokus untuk meletakkan UiTM sebagai sebuah **universiti terkemuka di dunia**. Selaras dengan perubahan ini, UiTMCK turut memperkemas tumpuan dan perancangannya bagi memastikan petunjuk prestasi yang ditetapkan dapat dicapai dengan jayanya.

Dalam memastikan pencapaian petunjuk prestasi yang ditetapkan, UiTMCK telah mengambil peranan yang serius dalam jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan bagi memperkasakan warga Universiti sejajar dengan aspirasi UiTM untuk menjadi universiti terkemuka didunia. Oleh yang demikian, bagi memastikan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan diperkasakan pihak UiTMCK telah memastikan penglibatan semua pihak iaitu staf, pelajar dan alumni.

Pelbagai program telah dijalankan bagi memperkasakan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan oleh UiTMCK pada tahun 2024. Di samping hasil program yang dijalankan tahap juga diukur melalui penglibatan staf, pelajar dan alumni terhadap komuniti. Antara program yang dijalankan bagi menyumbang kepada komuniti adalah melalui KTP melalui penganjuran **Kursus Pengurusan Kewangan Masjid** yang telah dijalankan oleh Fakulti Perakaunan UiTMCK dengan kerjasama MAIK. UiTMCK juga bekerjasama dengan Pejabat Pembangunan Persekutuan (ICU, JPM) bagi menganjurkan program **Digital Marketing Empowerment (DIME 2024)** bagi memberi latihan, bimbingan serta pementoran kepada usahawan yang terpilih untuk mengaplikasi pemasaran digital di dalam perniagaan mereka.

Di samping menyumbang kepakaran dan tenaga staf, UiTMCK juga tidak lupa untuk melibatkan pelajar dalam memberi sumbangan kepada masyarakat di peringkat antarabangsa dan nasional. Alumni juga terlibat secara aktif dalam memberikan sumbangan kepada pelajar dan masyarakat dalam bentuk kewangan dan kepakaran. UiTMCK amat konsisten dalam memberi khidmat kepada komuniti, di mana setiap program dijalankan adalah berterurusan dan memberi impak yang tinggi kepada komuniti, setiap program yang dijalankan akan diberi penambahbaikan bagi memastikan UiTMCK sebagai sebuah IPTA yang sentiasa menjadi rujukan oleh pelbagai pihak.

##### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_K0058\\_HB02\\_20251\\_UiTMCK BUKTI 7.2.2 Tahap Sumber Manusia.pdf](#)

##### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_K0058\\_HB03\\_20252\\_UiTMCK BUKTI 7.2.3 Tren Sumber Manusia.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_K0058\\_HB04\\_20253\\_UiTMCK BUKTI 7.2.4.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_K0058\\_HB05\\_20254\\_UiTMCK BUKTI 7.2.5.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

#### **Hasil Tumpuan Kepada Perancangan Strategik yang Holistik dan Berfokus**

##### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kepimpinan UiTMCK mengambil serius pelaksanaan perancangan strategik bila mana semua aktiviti serta program di semua peringkat perlu mengambil kira **kepentingan pencapaian petunjuk prestasi (PI)** yang telah ditetapkan ke atas UiTMCK. Bagi memastikan PI yang ditetapkan ke atas UiTMCK dapat dicapai dengan jayanya, **mesyuarat serta bengkel perbincangan ke arah pencapaian PI telah dilakukan.**

Perancangan strategik UiTMCK adalah berpandukan **perancangan strategik yang telah ditetapkan oleh UiTM secara keseluruhan.** Pada tahun 2024, petunjuk prestasi bagi UiTMCK adalah seperti mana tahun 2023. Namun oleh kerana UiTMCK telah menunjukkan pencapaian prestasi yang cemerlang pada tahun 2024 maka sasaran pencapaian untuk UiTMCK telah turut dipertingkatkan. Perancangan strategik UiTM 2024 telah diperkenalkan yang mana sasaran pencapaian yang ditetapkan adalah lebih berfokus untuk meletakkan UiTM sebagai sebuah universiti terkemuka di dunia. Selaras dengan perubahan ini, bermula dari 2020 hingga kini UiTMCK turut memperkemas tumpuan dan perancangannya bagi memastikan petunjuk prestasi yang ditetapkan dapat dicapai dengan jayanya.

Dalam memastikan pencapaian petunjuk prestasi yang ditetapkan, UiTMCK telah mengambil peranan yang serius dalam **jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan** bagi memperkasakan bidang pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan aspirasi UiTM untuk menjadi universiti terkemuka di dunia. Bagi memastikan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan diperkasakan pihak UiTMCK telah memastikan penglibatan semua pihak iaitu staf, pelajar dan alumni.

Pelbagai program telah dijalankan bagi memperkasakan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan oleh UiTMCK pada tahun 2024. Disamping hasil program yang dijalankan tahap juga diukur melalui **penglibatan staf, pelajar dan alumni terhadap komuniti.** Antara program yang dijalankan bagi menyumbang kepada komuniti adalah melalui **Program Penjana Pendapatan di Kalangan Peserta Miskin Tegar di Kelantan** merupakan usahasama antara Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) Negeri Kelantan dan Unit Masmed UiTM Cawangan Kelantan. **Prgram Zero Poverty** juga memberi kesan bagi meningkatkan taraf hidup komuniti setempat.

Disamping menyumbang kepakaran dan tenaga staf, UiTMCK juga tidak lupa untuk **melibatkan pelajar dalam memberi sumbangan kepada masyarakat di peringkat antarabangsa dan nasional Alumni juga terlibat secara aktif dalam memberikan sumbangan kepada pelajar dan masyarakat dalam bentuk kewangan dan kepakaran.**

**UiTMCK amat konsisten dalam memberi khidmat kepada komuniti,** di mana setiap program dijalankan adalah berterusan dan memberi impak yang tinggi kepada komuniti, setiap program yang dijalankan akan diberi penambahbaikan bagi memastikan UiTMCK sebagai sebuah IPTA yang sentiasa menjadi rujukan oleh pelbagai pihak.

##### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_K0058\\_HB02\\_20251\\_UITMCK\\_BUKTI\\_7.3.2.pdf](#)

##### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_K0058\\_HB05\\_20252\\_UiTMCK BUKTI 7.3.5.pdf](#)

#### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_K0058\\_HB04\\_20253\\_UiTMCK BUKTI 7.3.4.pdf](#)

#### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_K0058\\_HB05\\_20254\\_UiTMCK BUKTI 7.3.5.pdf](#)